

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN BERSEJARAH  
SEBAGAI MUZIUM : KAJIAN KE ATAS KOTA LAMA  
DUYONG, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Oleh

WAN ROHANI BINTI WAN MOHD ASRI

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
- Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi" 1972)
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) \*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan \_\_\_\_\_

Tandatangan Penyelia Utama



DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

980219-11-5598

Tarikh: 28/2/2022

Tarikh: 27022022

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekalian.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim. Bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah kurnia yang diberikan olehNya, saya dapat melaksanakan projek penyelidikan I dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek penyelidikan saya ini, iaitu Cik Daeng Haliza Binti Daeng Jamal yang telah banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar, sumbangan idea, serta sokongan moral dalam memastikan saya dan rakan-rakan saya yang lain dapat menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Pada masa yang sama, ribuan terima kasih diucapkan kepada responden-responden saya yang terlibat dalam sesi temubual serta memberi kerjasama yang baik dalam proses menjalankan kajian penyelidikan ini. Kerjasama mereka amat dihargai.

Dalam kesempatan ini juga, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada kedua-dua ibubapa saya Wan Mohd Asri Bin Wan Mat Ali dan Zaimah Binti Muda yang banyak memberi sokongan dan dorongan semasa menjalani tempoh pengajian serta pengkajian ini. Jasa dan pengorbanan mereka amat dihargai. Selain itu, ucapan terima kasih diucapkan kepada sahabat seperjuangan yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan sentiasa membantu sepanjang menjalankan kajian ini.

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea serta pendapat dalam menyiapkan tesis ini. Dengan demikian ini diharapkan agar penyelidikan ini dapat memberi manfaat dan rujukan pada masa yang akan datang kepada mahasiswa/wi serta masyarakat umum.

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii-iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	v
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	ix
<b>ABSTRACT</b>	x
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-4
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5-6
1.6 Definisi Operasional	6-9
1.6.1 Suaiguna semula	6-7
1.6.2 Bangunan bersejarah	7
1.6.3 Muzium	7-9

1.7	Kepentingan Kajian	9
	1.7.1 Negara	9
	1.7.2 Masyarakat Setempat	9 -10
	1.7.3 Institusi Pendidikan	10-11
1.8	Organisasi Penulisan	11-12

**BAB II SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992)	14-15
2.3	Sorotan Kajian lepas	15
	2.3.1 Suaiguna Semula	15-19
	2.3.2 Bangunan Bersejarah	19-24
	2.3.3 Muzium	24-31
2.4	Kerangka Teoritikal	31-33
2.5	Kesimpulan	33

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**


1.1	Pengenalan	34-35
1.2	Proses Pengumpulan Data	36
	1.2.1 Data Sekunder	36-37
	1.2.2 Data Primer	37-38

1.3	Kaedah Analisis Data	38
	1.3.1 Analisis Data Kualitatif	38-39
1.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	40
	1.4.1 Kesahan Instrumen Temu Bual	41-42
1.5	Kesimpulan	43

#### **BAB IV ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	44
4.2	Analisis Dapatan Temubual Responden	44-48
4.3	Sejarah Pembinaan Kota Lama Duyong	48
	4.3.1 Pengetahuan Terhadap Sejarah Pembinaan Kota Lama Duyong	48-53
	4.3.2 Nama Kota Lama Duyong	52-53
4.4	Penyesuaigunaan Semula Kota Lama Duyong	53-64
4.5	Potensi dan Sumbangan Bangunan Bersejarah kepada Produk Pelancongan Warisan	64
	4.5.1 Potensi Kota Lama Duyong sebagai Produk Pelancongan Warisan, Langkah untuk mempromosikan Bangunan Bersejarah dan Faktor yang menyumbang kepada Pelancongan warisan	64-70
4.6	Analisis Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992)	70-74
4.7	Kesimpulan	74-75

<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN DAN PENUTUP</b>	
5.1	Pengenalan	76
5.2	Rumusan Kajian	76-78
5.3	Penutup	78-80
<b>RUJUKAN</b>		81- 83
<b>LAMPIRAN</b>		84-94



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
4.1	Senarai Responden dan Huraian	45
4.2	Tema dan Subtema Temu bual	45
4.3	Profil Responden Berdasarkan Jantina, Umur, Bangsa dan Pengalaman	47

## SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
2.1	Kerangka Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992)	33
3.1	Carta alir reka bentuk kajian	36
4.1	Teori Pelancongan Budaya	71
4.2	Kerangka Teoritikal Suaiguna Semula Kota Lama Duyong Sebagai Muzium	72



## SENARAI GAMBAR

NO.		MUKA SURAT
4.1	Bahan yang digunakan dalam pembinaan Kota Lama Duyong	51
4.2	Rekabentuk tiang dari unsur asing dan atap dari warisan rumah lama yang dimasukkan ke dalam pembinaan bangunan Kota Lama Duyong	51
4.3	Suasana Bangunan Kota Lama Duyong Sebelum Dibaikpulih	62
4.4	Keadaan Bangunan Kota Lama Duyong Sebelum Dibaikpulih	63
4.5	Keadaan Bangunan Kota Lama Duyong Setelah Diibaikpulih	63

**SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN BERSEJARAH SEBAGAI MUZIUM :  
KAJIAN KE ATAS KOTA LAMA DUYONG, KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU**

**ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan adalah untuk memulihara bangunan bersejarah daripada kepupusan atau kerosakan yang boleh memberi kesan negatif kepada nilai warisan dan seni bina bangunan tersebut. Pada masa yang sama, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka sejarah pembinaan Kota Lama Duyong, menghuraikan usaha-usaha pihak berwajib dalam menyesuaikan Kota Lama sebagai muzium dan menganalisis potensi dan sumbangan Kota Lama Duyong sebagai produk pelancongan warisan. Kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkenaan kajian yang dijalankan adalah kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan temu bual. Hasil dapatan kajian melalui temu bual yang dianalisis menunjukkan majoriti responden memandang baik terhadap usaha yang diambil bagi menyesuaikan semula bangunan bersejarah. Hal ini kerana bangunan Kota Lama ini mempunyai nilai estetika yang tersendiri dan dapat menjaga tinggalan sejarah ini supaya tidak mengalami kerosakkan yang disebabkan oleh arus pemodenan.

**RENOVATION OF HISTORIC BUILDINGS AS MUSEUMS: A STUDY ON KOTA  
LAMA DUYONG, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU**

**ABSTRACT**

The study was conducted to preserve historic buildings from extinction or damage that could negatively impact the heritage and architectural value of the building. At the same time, the purpose of this study is to explore the history of the construction of Kota Lama Duyong, describe the efforts of the authorities in adapting Kota Lama as a museum and analyze the potential and contribution of Kota Lama Duyong as a heritage tourism product. The research method used to obtain information about the study is a qualitative method that is a library study and interviews. The results of the study through the interviews analyzed showed that the majority of respondents looked good on the efforts taken to re -adapt historic buildings. This is because the Old City building has its own aesthetic value and can preserve the relics.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Malaysia kaya dengan keunikan dan keistimewaan bangunan bersejarah. Bangunan bersejarah ini perlulah dipulihara dan dipelihara dengan sebaiknya. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), bangunan warisan bermaksud suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan seni binanya, kehomogenannya atau tempat dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol daripada pandangan sejarah, seni atau sains (Jabatan Warisan Negara, 2005). Setelah mengetahui potensi atau kepentingan yang ada pada bangunan bersejarah tersebut, pihak swasta dan kerajaan perlulah memandang serius akan perkara ini. Menurut Wendy Khadijah Moore (2004), bangunan di Malaysia yang terbiar perlulah dipulihara kerana mempunyai nilai yang tinggi. Bangunan warisan ini mencerminkan rasa sentiviti mengenai masa dahulu (A Ghafar Ahmad, 1997). Terdapat lima faktor mengapa bangunan warisan perlu dipulihara iaitu:

- i. Kepentingan sejarah
- ii. Nilai seni bina
- iii. Industri pelancongan
- iv. Pendidikan

v. Pembentukan minda

Menurut A Ghafar Ahmad (1997), punca bangunan warisan mempunyai nilai seni bina yang menarik dan pengekal bukti sejarah pada bangunan adalah pemuliharaan yang berjaya. Bangunan warisan merupakan lambang dan identiti negara yang perlu dijaga supaya dapat mengelakkan berlakunya kepupusan atau kerosakan bangunan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kaedah pemuliharaan ini ia dapat menjamin keutuhan bangunan tersebut untuk menjadi tatapan generasi yang akan datang.

Penyesuaiguna semula adalah sebahagian daripada pemuliharaan. Syed Zainol Abidin Idid (1995), mentakrifkan penyesuaigunaan semula adalah mengubahsuai sesuatu selaras dengan jenis kegunaan seperti yang dicadangkan. Suai guna ini adalah menggunakan semula bangunan bersejarah kepada fungsi baru. Penyesuaiguna semula ini ditakrifkan sebagai mengubah fungsi bangunan kepada fungsi baru tetapi masih mengekalkan ciri dan bentuk asal bangunan tersebut (A Ghafar Ahmad, 2010). Namun begitu, menurut akhbar Utusan Borneo (2020), menyatakan bahawa masih terdapat bangunan yang terbiar iaitu Pura Tanjung Sabtu yang terletak di Kuala Terengganu. Bangunan ini telah lama terbiar yang dipenuhi dengan lumut dan semak- samun sehingga kini. Pada masa yang sama, bangunan bersejarah yang lain yang menggunakan kaedah suai semula di Kuala Terengganu seperti Rumah Haji Su, Rumah Limas, Rumah Tele dan lain-lain. Bangunan tersebut diguna semula untuk mengekalkan keaslian dan nilai warisan yang ada untuk menarik minat pelancong datang ke Kuala Terengganu. Lembaga Muzium Negeri Terengganu juga menyatakan bahawa bangunan yang diambil alih oleh pihak mereka akan dipulihara dan dipelihara dengan sebaiknya bagi mengelakkan berlakunya kepupusan dan kehilangan barangan atau artifak yang berharga seperti yang berlaku terhadap bangunan Pura Tanjung Sabtu.

Suaiguna semula bangunan Kota Lama Duyong bukan sahaja untuk menjaga bangunan bersejarah ini daripada sebarang kerosakan malahan ia juga sebagai produk pelancongan warisan. Hal ini kerana, melalui pengubahsuaian bangunan Kota Lama Duyong sebagai muzium akan menarik ramai pelancongan sama ada dalam atau luar negara datang melawat. Kaedah ini dapat membantu dalam meningkatkan jumlah pendapatan Negeri Terengganu melalui kehadiran pelancong. Oleh itu, kajian ini merupakan satu langkah untuk memulihara bangunan bersejarah daripada mengalami kepupusan.

Artikel akhbar Berita Harian yang bertajuk “Kota Lama Terus Terbiar”, (1990) menyatakan meskipun tiada kajian yang dijalankan secara terperinci terhadap bangunan Kota Lama Duyong ini, namun ada rekod-rekod, cerita lisan penduduk setempat dan dokumen warisan membuktikan Kota itu merupakan sebuah institusi yang tidak hanya terhad kepada perkembangan Islam malahan berfungsi sebagai pusat perkembangan hal ehwal perundangan dan perdagangan negeri. Kota Lama Duyong ini terletak di Pulau Duyong Kecil, Kuala Terengganu, Terengganu. Menurut Wan Hisham Wan Salleh & Wan Ramli Wan Muhammad (2006) dalam bukunya yang bertajuk ‘Tamadun Awal Bermula Di sini’ menyatakan Kota Lama Duyong ini dibina bermula pada tahun 1919 dan siap sepenuhnya pada tahun 1920. Bangunan Kota Lama ini adalah kepunyaan Dato’ Biji Sura yang merupakan seorang hakim pada ketika itu. Reka bentuk bangunan Kota Lama Duyong ini menyerupai Istana kecil Raja Melayu tetapi diperkayakan dengan unsur seni bina Melayu dan seni bina Yunani.

Seterusnya, berdasarkan artikel akhbar Berita Harian bertajuk “Pulau Duyong gamit kehadiran pelawat luar negara” (2015) Kota Lama Duyong ini menjadi tumpuan pelawat untuk melihat kesenian dan keindahan seni bina bangunan ini. Bangunan ini penting kepada

Negeri Terengganu sebagai daya tarikan yang unik kepada pelancong apabila memaparkan serta memperagakan artifak tempatan yang menjadi bukti sejarah perkembangan Islam.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pemuliharaan bangunan warisan menjadi pemangkin utama dalam mengekalkan keaslian bangunan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan warisan merupakan satu sejarah negara yang amat bernilai dan berharga. Tanpa usaha pemuliharaan berterusan, akan dikhautiri bangunan warisan ini terus lenyap ditelan zaman (Hobson, 2004 & Ashurst, 2006). Merujuk kepada kajian inventori yang dijalankan oleh pihak Muzium Negara terhadap bangunan warisan, terdapat lebih 35,000 buah bangunan sebelum perang berada di 265 buah bandar yang dikaji (Syed Zainol Abidin Idid, 1995). Sebahagian besar bangunan warisan ini telah mengalami kerosakan disebabkan oleh faktor tidak dipulihara dengan sebaiknya (A Ghafar Ahmad, 2009).

Penyesuaigunaan semula adalah sebahagian daripada pemuliharaan. Menurut Mohd Yusof Ismail (2003) penyesuaigunaan semula adalah bangunan yang diubah untuk penggunaan baru dan meninggalkan fungsi penggunaan yang lama. Namun begitu, masyarakat pada hari ini tidak menghargai dan menyedari mengenai kepentingan warisan budaya yang dimiliki oleh generasi yang terdahulu (Firmansyah & Fadlilah, 2016). Walau bagaimanapun, tanggapan yang salah dan pemuliharaan bangunan haruslah dijalankan dengan sebaiknya agar tidak merosakkan nilai estetika dan struktur bangunan tersebut (A Ghafar Ahmad, 1994). Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meneroka pemuliharaan Kota Lama Duyong yang telah diubah suai dijadikan sebagai muzium bagi mengelakkannya dari kepupusan dan sejauhmana ianya menyumbang kepada usaha memartabatkan warisan tempatan khususnya dari aspek kebitaraan orang-orang Melayu dalam seni bina.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang dikesan, maka persoalan kajian ini adalah:

- i. Apakah yang menyebabkan pembinaan Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu?
- ii. Sejauhmanakah usaha menyesuaikan semula Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu dilakukan sebagai muzium?
- iii. Sejauhmanakah Kota Lama Duyong, berpotensi menyumbang kepada pelancongan warisan di Kuala Terengganu, Terengganu?

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Meneroka sejarah pembinaan Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu.
- ii. Menghuraikan usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak berwajib untuk menyesuaikan semula Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu sebagai muzium.
- iii. Menganalisis potensi dan sumbangan Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu sebagai produk pelancongan warisan.

### 1.5 SKOP KAJIAN

Pengkaji telah memilih lokasi di kawasan Kuala Terengganu sebagai kawasan kajian untuk menjalankan kajian ini dengan menumpukan Kota Lama, Pulau Duyong. Kota ini terletak di Kampung Pulau Duyong yang juga terbahagi kepada dua pulau iaitu Pulau Duyong Besar



dan Pulau Duyong Kecil serta Pulau Ketam. Pengkaji memilih lokasi ini sebagai tempat kajian kerana kawasan ini terkenal dengan warisan yang sering menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Tambahan pula, kawasan kajian ini terletak berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Hal ini memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian di Pulau Duyong ini.

## **1.6 DEFINISI OPERASIONAL**

Definisi operasional adalah untuk menghurai keseluruhan penulisan. Dalam kajian ini, konsep dan istilah yang digunakan adalah suaiguna semula, bangunan warisan dan muzium.

### **1.6.1 Suaiguna semula**

Penyesuaian semula adalah merupakan langkah yang bijak bagi memastikan bangunan dipulihara. Menurut A Ghafar (2010) mentakrifkan penyesuaian semula bangunan bersejarah adalah proses mengubah fungsi bangunan kepada fungsi baru dengan mengekalkan ciri dan rekabentuk bangunan tersebut. Pendekatan ini dapat memberi nafas baru supaya dapat disesuaikan dengan keadaan semasa. Penyesuaian semula ini turut diutarakan oleh Mohd Yusof Ismail (2003) menyatakan bahawa ia adalah bangunan yang diubah untuk penggunaan baru dan meninggalkan fungsi penggunaan lama. Oleh itu, pendekatan ini adalah satu proses untuk memanjangkan hayat sesebuah bangunan tersebut daripada sebarang kerosakan yang mungkin disebabkan oleh pemodenan. Menurut Jessen & Schneider (2003) mendefinisikan penyesuaian semula adalah sebagai mengubah fungsi sesebuah bangunan kepada fungsi baru tetapi mengekalkan karakter asal seni bina bangunan bersejarah tersebut. Penyesuaian semula ini merupakan satu kaedah

daripada pemuliharaan iaitu termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian (Jabatan Warisan Negara, 2009). Jabatan Alam Sekitar dan Warisan Australia mendefinisikan penyesuai guna semula merupakan proses mengubah item yang tidak disengajakan atau tidak berkesan ke dalam item baru untuk kegunaan lain.

### **1.6.2 Bangunan warisan**

Bangunan bersejarah biasanya dianggap sebagai bangunan yang mempunyai beberapa jenis “*nilai sejarah*”, iaitu orang pada masa kini disambungkan pada peristiwa masa lalu dalam beberapa cara (Laman Web Designing Buildings, 2020). Selain itu, ia didefinisikan sebagai satu bangunan yang terletak berasingan serta jenis seni bina bangunan tersebut adalah bersambung, bangunan itu mempunyai nilai sejagat yang menampakkan pandangan dari aspek sejarah, sains serta seni. Pada masa yang sama, bangunan bersejarah adalah bangunan yang memberi kesan terhadap emosi kepada manusia iaitu perasaan kagum dan bangga dengan bangunan tersebut. Perasaan ini akan menimbulkan rasa cinta terhadap sejarah bangunan tersebut dan juga pembinaannya.

### **1.6.3 Muzium**

Perkataan Muzium diambil daripada perkataan Inggeris yang berasal dari Yunani “*Mouseion*” yang bermaksud rumah suci “*MUSE*” iaitu tuhan atau kumpulan sembilan dewi lambang ilmu dan kesenian. Ia juga membawa maksud “*gembira*” (*amusement*). Menurut Geo Brown Goode (1895) mentakrifkan Muzium sebagai

*“An institution for the preservation of those objects which best illustrated the phenomena of nature and the work of man and utilization of these to increase knowledge and for the culture and the enlightenment of the people.”*

Pada masa yang sama, Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), Kesatuan Muzium Kanada (CMN) dan Kesatuan Muzium Amerika (AAM) mentakrifkan Muzium ini berdasarkan peranan dan pengurusannya serta bidang-bidang yang berkaitan dengan institusi tersebut. ICOM, 1974 telah menggariskan takrif Muzium sebagai

*“Institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum, memprolehi, merawat, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, bukti-buktiinggalan manusia dan persekitarannya.*

Kesatuan Muzium Great Britain (MAGB) (1989) juga telah mentakrifkan muzium dalam bentuk yang mudah:

*“An institution which collects, documents, preserve, exhibits and interprets material evidence and associated information for public benefit”.*

Walau bagaimanapun Muzium ditakrifkan sebagai sebuah institusi yang terlibat dengan aktiviti berikut:

- i. Pemuliharaan, pameran dan Pusat Arkib
- ii. Pemuliharaan dan Pengekalan Alam Semulajadi
- iii. Arkeologi, Ethnologi, Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah
- iv. Pameran flora dan fauna seperti botani, zoologi, geologi dan sebagainya.

v. Pusat Sains dan Planetarium

Berdasarkan takrif tersebut, tidak dinafikan bahawa Muzium ini memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan, kebudayaan dan pembangunan ekonomi bagi negara dan masyarakat.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini memberi kepentingan kepada negara, masyarakat setempat dan institusi pendidikan.

### **1.7.1 Negara**

Kajian ini penting kepada negara dalam memartabatkan nilai warisan dan sejarah supaya dapat dikekalkan sehingga kepada generasi akan datang. Bangunan bersejarah ini merupakan identiti bagi sesebuah negara tersebut. Ia menjadi bukti berlakunya peristiwa sejarah yang berlaku pada ketika itu. Pada masa yang sama, ia juga dapat membantu dalam meningkatkan ekonomi negara melalui bidang pelancongan sama ada pelancong tempatan atau luar negara. Bangunan bersejarah ini berpotensi untuk menjadi tempat pelancongan dominan untuk melihat keindahan dan nilai estetika yang terdapat pada bangunan tersebut. Kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah ini dapat membuka pekerjaan kepada golongan muda di samping dapat menjana pendapatan dalam bidang ini.

### **1.7.2 Masyarakat setempat**

Pendedahan terhadap guna semula bangunan bersejarah kepada masyarakat setempat ini mampu membuka minda mereka mengenai kepentingan guna semula bangunan tersebut. Di samping itu, pendedahan ini dapat memberi kesedaran kepada mereka supaya menjaga dan memulihara bangunan bersejarah ini agar tidak hilang ditelan arus pemodenan. Selain itu, ia juga dapat memberi pengajaran kepada masyarakat setempat khususnya kepada masyarakat yang mempunyai nilai patriotisme yang lemah. Masyarakat setempat berfungsi sebagai orang berkepentingan dalam pemuliharaan ini serta dapat menjadi informer yang boleh memberi maklumat kepada penyelidik atau orang awam. Masyarakat setempat juga perlulah memainkan peranan dalam memulihara bangunan bersejarah ini kerana mempunyai nilai yang tinggi. Pada masa yang sama, masyarakat setempat ini dapat memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan bangunan bersejarah ini kerana bangunan bersejarah ini merupakan bukti atau lambang kepada tempat tersebut.

### **1.7.3 Institusi pendidikan**

Pendedahan mengenai kepentingan guna semula bangunan bersejarah ini perlu dititikberatkan terutamanya dalam institusi pendidikan supaya dapat dipelajari oleh golongan remaja pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendedahan yang tidak menonjol daripada institusi-institusi kerajaan mahupun swasta menyebabkan kepentingan guna semula bangunan bersejarah kurang mendapat tempat dihati masyarakat. Pada masa yang sama, pelajar perlulah diterapkan dengan kepentingan pemuliharaan ini melalui aktiviti kokurikulum dan kurikulum di sekolah. Institusi pendidikan berperanan dalam menyalurkan maklumat berkaitan suai guna semula bangunan bersejarah ini dan juga kepentingan bangunan bersejarah ini supaya

bangunan ini dapat dipulihara dan dipelihara dengan sebaiknya daripada mengalami sebarang kerosakan atau kepupusan.

## **1.8 ORGANISASI PENULISAN**

Secara keseluruhannya, bab ini dibahagikan kepada 5 bab. Bab I ini menceritakan mengenai Pemuliharaan Kota Lama Duyong, Terengganu. Dalam bab ini membincangkan mengenai potensi Kota Lama Duyong dijadikan sebagai Muzium dan juga ancaman terhadap Kota Lama Duyong. Selain itu, dalam bab ini juga mengetengahkan mengenai sejarah Kota Lama Duyong, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian. Akhir sekali, organisasi penulisan adalah penutup kepada bab I.

Dalam bab 2 ini, pengkaji membincangkan mengenai pemuliharaan Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu. Pengkaji akan menghuraikan dengan lebih mendalam dan menfokuskan kepada sorotan kajian dan juga definisi operasional. Penutup kepada bab ini ialah kesimpulan.

Bab 3 ini di mana pengkaji akan menghuraikan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah yang digunakan ini adalah untuk membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kaedah kualitatif adalah kaedah temu bual manakala kaedah kuantitatif adalah kaedah soal selidik.

Bab 4 pengkaji akan membahaskan dengan terperinci daripada data dan maklumat yang diperolehi daripada kaedah kajian yang dijalankan. Melalui kaedah temu bual yang diperolehi daripada menemu bual dua orang wakil pihak muzium Terengganu, penjaga Kota

Lama Duyong, wakil pusat pelancongan Terengganu dan seorang pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, pengkaji dapat menghuraikan usaha yang diambil oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula Kota Lama Duyong sebagai Muzium serta potensi dan sumbangannya terhadap produk pelancongan.

Bab 5 pengkaji akan menjelaskan mengenai keseluruhan hasil dapatan kajian ini. Pengkaji turut menyatakan cadangan yang perlu dilakukan bagi menyesuaikan semula bangunan Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu.

## BAB II

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang sejarah ringkas Kota Lama Duyong, penerangan konsep, kerangka teori dan kajian lepas. Konsep yang dibincangkan ialah penyesuaigunaan semula bangunan warisan dan muzium. Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink)(1992) dijadikan sebagai panduan dalam menganalisis data kajian ini.

Selain itu, bab ini turut membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan sarjana lepas berkaitan kajian yang dijalankan. Sorotan kajian ini ditakrifkan menurut D.N & Beile, P. (2005), sebagai membezakan apa yang perlu dikaji daripada kajian, menemui pembolehubah yang relevan dengan tajuk kajian yang baru dan menggabungkan bahagian penulisan yang dirujuk daripada pelbagai bahan berasingan dan mendapat perspektif baru dalam topik yang sama. Amran Mat Arriffen (t.th) turut mentakrifkan sorotan literatur ini sebagai ulasan maklumat yang diprolehi daripada jurnal, buku, dokumen (laporan, prosiding), kajian lepas (tesis), atas talian (laman web) dan sebagainya. Kajian lepas yang dibuat sebelum memulakan sesuatu kajian bagi mengelak berlakunya pengulangan hasil penyelidikan orang lain Zulkarnain (2001). Hal ini ia juga secara tidak langsung dapat mengenalpasti kelompangan dan memperbaiki kelemahan pengkaji.



## 2.2 PENDEKATAN TAPAK DAN MONUMEN (BONINK, 1992)

Produk pelancongan merupakan aspek penting kepada ekonomi negara. Ia menjadi penyumbang ekonomi negara yang mampu memberi kepuasan kepada pelancong Lord (1999). Menurut Gray, (1982) kunci kepada kejayaan dalam bidang pelancongan ini adalah mutu, lokasi dan persepsi pelancong terhadap aset berkenaan. Di samping itu, kaedah penyesuaigunaan semula terhadap bangunan Kota Lama Duyong sebagai muzium menjadi satu produk pelancongan warisan untuk menarik pelancong datang melawat. Konsep yang digunakan dalam kajian ini adalah Pendekatan Tapak dan Monumen. Menurut Bonink, (1992) definisi pelancongan budaya berdasarkan Pendekatan Tapak dan Monumen ini memberi tumpuan kepada pemerian jenis-jenis tarikan pelancongan. Ia merujuk kepada takrifan budaya sebagai produk. Pendekatan ini membantu dalam menjalankan kajian kualitatif mengenai pelancongan kerana mudah untuk mengenalpasti, mengira dan menemu bual pelawat di lokasi tarikan pelancong budaya tersebut Richard (1993). Namun begitu, pendekatan ini menghadkan analisis tempat yang dikhususkan disebabkan oleh pandangan aktiviti dan motivasi pelancongan budaya yang sempit. *European Centre for Traditional and Regional Cultures* (ECTAR, 1989) telah menyenaraikan satu tempat dan kawasan yang dianggap menarik pelancong budaya. Antara tempat atau kawasan yang disenaraikan oleh ECTAR (1989) ialah tapak arkeologi dan muzium, senibina seperti runtuhan, bangunan terkenal atau seluruh bandar, kesenian seperti ukiran, kraf galeri, perayaan dan peristiwa. Manakala muzik dan tarian terdiri daripada klasik, lisan dan semasa, drama adalah seperti teater, filem atau pelakon drama. Bahasa dan sastera pula terdiri daripada perayaan keagamaan dan amalan budaya primitif. Perkara ini secara jelas menunjukkan bahawa konsep budaya sebagai produk dan ‘budaya tertinggi’ bahkan bukan kepada budaya itu

sebagai proses. Konsep ini diasaskan oleh Bonink (1992) yang berkaitan dengan tajuk pelancongan budaya. Konsep ini membantu untuk menjalankan kajian untuk menganalisis potensi dan sumbangan Kota Lama Duyong sebagai produk pelancongan warisan. Pada masa yang sama, konsep ini juga membantu pengkaji menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemu bual wakil pihak muzium, penjaga Kota Lama Duyong dan juga komuniti setempat. Justeru itu, konsep ini sangat bertepatan dengan kajian.

### **2.3 Sorotan Kajian Lepas**

Sorotan kajian ini memfokuskan mengenai kajian lepas yang dijalankan terhadap suaiguna semula, bangunan warisan dan muzium. Pengkaji telah merujuk pelbagai sumber seperti akhbar, tesis, dan artikel untuk mendapatkan maklumat.

#### **2.3.1 Suaiguna semula**

Suaiguna semula adalah sebahagian daripada pemuliharaan. Suaiguna semula ini dilakukan bagi memastikan bangunan tersebut dapat dipulihara dengan sebaiknya. Artikel bertajuk “Penyesuaigunaan Semula Bangunan Bersejarah sebagai Hotel, yang ditulis oleh Lilawati Ab Wahab et al. (2007) menyatakan penyesuaigunaan semula merupakan sebahagian daripada pemuliharaan. Kaedah ini adalah satu langkah yang bijak bagi memastikan bangunan warisan dipulihara dengan sebaiknya. Penulis mentakrifkan penyesuaigunaan semula adalah kaedah yang mengubahsuai fungsi bangunan lama kepada fungsi baru tanpa mengubah sebarang bentuk asal. Bagi memastikan bangunan ini dapat digunakan dengan optima, gerak kerja haruslah dirancang dengan sebaiknya. Selain itu, penulis menyatakan bahawa kaedah

penyesuaigunaan semula ini berkaitan dengan penglibatan kerja-kerja seperti pemuliharaan, pengubahsuaian, pembaikan, pengekalan dan pembetulan. Dalam penulisan ini, juga dinyatakan kaedah ini perlulah menitikberatkan prinsip pemuliharaan untuk mengelakkan berlakunya perubahan pada seni bina dan bahan yang perlu digunakan dalam memulihara bangunan tersebut. Bangunan yang diubah suai ini dapat menarik minat kepada pelancong dari segi keunikan. Pengenalpastian sebab-sebab penyesuaiguna semula ini ialah masa pembinaan singkat, kelebihan dari segi ekonomi, kelulusan dari pihak berkuasa, penwartaan undang-undang bangunan dan kelebihan rekabentuk bangunan lama telah dikenalpasti oleh Highfield (1987) dalam bukunya. Penulis menyatakan mengadaptasi bangunan warisan kepada hotel adalah langkah untuk mengoptimalkan penggunaan bangunan warisan serta dapat mengurangkan jumlah bangunan kosong. Hal ini kerana bangunan warisan mempunyai keunikan terutamanya dari sudut seni bina untuk menarik kedatangan pelancong untuk melawat. Di samping itu, penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik dalam memastikan bangunan tersebut terus digunakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan bersejarah adalah saksi buatan manusia yang tidak boleh dicari atau diganti kerana ia mewakili sejarah budaya. Bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci, penulis menggunakan kaedah kuantitatif untuk mencapai objektif kajian. Teknik soal selidik dijalankan dengan mengedarkan boring soal selidik kepada pemilik atau pengurus hotel. Hasil kajian yang dijalankan ini dapat memberi sumbangan dan rujukan serta memastikan usaha penyesuaigunaan semula ini terus diadaptasi.

Menurut artikel bertajuk “Pelestarian Warisan Seni Bina Melayu: Tinjauan keatas Guna Semula Istana Kenangan, Kuala Kangsar, Perak yang ditulis oleh Daeng Haliza Daeng Jamal et al. (2020) menyatakan bagi melindungi warisan pertukangan kayu ini adalah melalui pendekatan guna semula bangunan bersejarah. Kaedah kajian yang dijalankan dalam kajian adalah kaedah kualitatif. Pendekatan suaiguna yang dilakukan ke atas Istana Kenangan ini dapat memelihara teknologi pertukangan dan seni bina istana serta institusi warisan diraja. Pembinaan Istana ini dirancang selepas berlakunya banjir besar yang melanda Perak pada tahun 1926. Istana ini masih dalam proses pembaikan. Pemuliharaan bangunan bersejarah perlu dilakukan dengan teliti supaya keaslian bangunan ini dapat dipulihara. Hasil kajian mendapat sokongan dalam usaha memulihara Istana Kenangan melalui pendekatan suaiguna semula. Selain itu, pendekatan suaiguna semula yang digunakan ini dapat menyerlahkan lagi seni bina pada Istana Kenangan di samping dapat mengekalkan identiti dan imej bandar Kuala Kangsar yang sememangnya dikenali sebagai bandar Di-Raja.

Meskipun kaedah penyesuaian guna semula ini masih baru namun kaedah ini banyak dipraktikkan terhadap bangunan lain. Menurut kajian yang bertajuk “Kesesuaian Amalan Penyesuaigunaan Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan” oleh Nor Syahila Abd Rashid, (2014). Dalam usaha pemuliharaan bangunan warisan ini, amalan penyesuaiangunaan (*adaptive reuse*) merupakan kaedah yang berkesan bagi memastikan bangunan warisan yang terpinggir dapat disuai dengan baik. Bangunan dan juga premis-premis yang kosong perlu diberikan pemuliharaan melalui kaedah ini bagi memastikan bangunan sentiasa terpelihara mengikut arus pemodenan Kincaid, (2002). Di samping itu, kaedah

penyesuaian ini mestilah mengikut prinsip konservasi yang telah digazetkan supaya kepentingan dan nilai terhadap seni bina, sejarah dan sosial yang terdapat pada bangunan warisan ini dikekalkan. Sikap tidak mengambil berat dan tidak mengikut prinsip yang ditetapkan ini akan menimbulkan isu yang boleh menyebabkan berlaku kerugian dan kemusnahan terhadap struktur bangunan serta mendatangkan kesan buruk kepada bangunan tersebut akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah penyesuaian gunaan semula ini merupakan satu cabaran yang besar apabila menyentuh mengenai pengadaptasian elemen kontemporari setelah ia berubah fungsi. Penulis mengetengahkan isu dalam penyesuaigunaan semula terhadap bangunan memorial ini mengenai ketiadaan dasar atau garis panduan yang telah ditetapkan untuk menyesuaikan bangunan ini. Meskipun adanya prinsip-prinsip praktis namun perbezaan ciri menyebabkan kaedah ini bergantung kepada keperluan garis panduan dalam menyesuaiguna semula bangunan. Pendekatan kajian suai guna bangunan ini digunakan adalah untuk menilai semula amalan kesesuaian amalan terhadap kediaman bersejarah kepada memorial kebangsaan. Penulis mengetengahkan lima kriteria yang dijalankan melalui kaedah persampelan terhadap memorial yang dikenalpasti iaitu usia bangunan, bahan binaan, lokasi bangunan, fungsi asal dan pemilik terkini.

Berdasarkan artikel akhbar myMtero bertajuk “Bangunan Usang kembali ‘bernyawa’, (2019) oleh Zaitie Satibi menyatakan satu gudang antik di London yang digunakan pada tahun 1850 terabai dan using disebabkan oleh kurang penyelenggaraan dan penyimpanan. Gudang lama ini telah diubahsuai oleh Tasou Associates untuk dijadikan ruang pejabat sebagai 9 Jeffrey ‘s Place. Penulis

menyatakan penekanan terhadap projek pengubah suai ini supaya bangunan tersebut tidak kelihatan suram dan tersusun. Penggunaan material yang kukuh adalah untuk memanjangkan jangka hayat gudang ini. Pengubahsuaian gudang ini memberi inspirasi kepada rekaan manakala penambahan bahan yang digunakan pada gudang itu dipertimbangkan berhati-hati supaya dapat mengekalkan kesan sejarah tanpa sebarang peniruan.

Artikel akhbar Sinar Harian yang bertajuk “Guna Semula Central Fire Station Selepas 111 tahun”, (2019) menyatakan balai bomba dan penyelamat yang tertua di Malaysia masih beroperasi dan ditukarkan kepada nama asalnya iaitu Balai Bomba Penyelamat Pusat (BBP). Bangunan ini merupakan bangunan ikonik dan bangunan warisan kategori I dalam Tapak Warisan Dunia Unesco George Town. Inisiatif ini dilakukan bagi menarik pelancong dan pada masa yang sama untuk mengiktiraf sebagai balai bomba pertama di Pulau Pinang. Pengekalan rekabentuk dan beberapa ciri lain untuk menyesuaikan dengan syarat Pelan Kawasan Khas Tapak Warisan George Town. Ciri ikonik yang terdapat pada bangunan balai bomba adalah gabungan corak arkitektural, klasikal yang menggabungkan corak Mughal Menara empat tingkat. Kerja-kerja pemuliharaan dan pemuliharaan dijalankan dari sudut pandangan balai bomba disebabkan oleh kos penyenggaraan yang tinggi.

Oleh itu, penyesuaigunaan semula adalah sebahagian daripada proses pemuliharaan. Kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah untuk memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan. Kaedah ini digunakan untuk mengekalkan rebenentuk dan seni bina sesebuah bangunan serta dapat menjimatkan tenaga dan kos.

### **2.3.2 Bangunan bersejarah**

Merujuk kepada artikel mengenai “Definisi Bangunan Bersejarah,” (2018) mentakrifkan bangunan sejarah sebagai bangunan yang disenaraikan mempunyai kepentingan seni bina dan sejarah. Kebiasaannya dianggap sebagai bangunan atau struktur yang mempunyai nilai sejarah yang mana orang masa kini menyambung binaan tersebut melalui peristiwa masa lalu. Bangunan ini mempunyai kepentingan tertentu seperti nilai sejarah, tempoh dan sejarah yang berlaku yang dapat dilihat melalui sejarah pembinaan, rekabentuk dan kepentingan seni bina.

Manakala artikel akhbar myMetro (2019) yang dikarang oleh Mohd Fauzi Abdullah menyatakan mengenai cadangan pembangunan tapak atau kawasan sekitar panggung wayang Odeon supaya diambil kira untuk mengekalkan fasad luaran yang asal. Penulis mengetengahkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Hajeedar Abdul Majid bahawa gabungan rekabentuk akan menarik melalui pengekalan bentuk fizikal dan keadaan asal bangunan tersebut. Aset sejarah dan warisan negara dapat dikekalkan jika tapak dan bangunan itu dititikberatkan oleh pemiliknya. Bangunan Odeon yang berusia 83 tahun ini menyimpan kenangan manis daripada pelbagai latar belakang. Penulis menyatakan masyarakat perlulah bersama-sama memulihara dan mengekalkan bangunan warisan yang terdapat di Kuala Lumpur. Usaha ini perlu diteruskan untuk menyelamatkan, memulihara dan menghidupkan semula bangunan warisan. Pemuliharaan bangunan ini satu peluang yang bergantung kepada pemilik sama ada untuk mengambil peluang ataupun tidak.

Kajian tesis yang dijalankan oleh Robiah Abdul Rashid, (2011) bertajuk “Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan Di Malaysia,” menyatakan aspek pengurusan penyenggaraan yang baik tidak mengira sama ada bangunan lama atau



baru. Penulis turut menyatakan bangunan akan mudah rosak, lusuh dan usang sekiranya kerja penyenggaraan tidak dijalankan dengan teliti. Hal ini akan menyebabkan berlakunya penyusutan terhadap bangunan tersebut. Bahan warisan merupakan aspek penting dalam kerja penyenggaraan. Hal ini dikatakan demikian kerana, tahap kesedaran dan minat dalam kalangan masyarakat terhadap penyenggaraan bangunan warisan semakin meningkat. Penulis mendapati dalam aspek pengurusan bangunan warisan ini mengalami masalah seperti kekurangan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemeliharaan dan garis panduan. Selain itu, aspek penyenggaraan diabaikan disebabkan oleh tiada pemeriksaan yang dijalankan keatas bangunan tersebut. Sokongan kewangan yang terhad turut menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan. Pada masa yang sama, perancangan penyenggaraan yang tidak teratur, kekurangan tenaga pakar, kewangan dan undang-undang yang tidak berkesan menjadi punca kebanyakan bangunan di Malaysia tidak dipulihara dengan sebaiknya. Konsep ini sesuai digunakan terhadap bangunan bersejarah terutamanya di bandar warisan yang menjadi tumpuan pelancong.

Kertas kerja bertajuk “Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia” yang ditulis oleh Siti Nor Fatimah Zuraidi (2011) menyatakan kebanyakan bangunan di Malaysia berada dalam keadaan buruk disebabkan oleh pengabaian daripada pemuliharaan. Bangunan ini dikatakan diancam kemusnahan yang berpunca daripada sikap pemilik yang bersikap sambil lewa terhadap penjagaan bangunan. Masyarakat tidak seharusnya membebankan kerajaan malahan mereka sendiri sepatutnya memikul tanggungjawab dalam memulihara bangunan warisan ini. Sekiranya usaha memulihara bangunan ini masih sama, ia akan menyebabkan



bangunan warisan lenyap ditelan zaman. Oleh itu, bangunan warisan ini mestilah diambil kira dalam pemuliharaan bagi memastikan generasi yang akan datang melihat dan mengetahui sejarah yang pernah berlaku terhadap bangunan warisan ini. Ia juga dapat dijadikan sebagai bukti mengenai sejarah dan peristiwa yang berlaku pada bangunan ini. Di samping itu, penulis turut menekankan mengenai pemuliharaan bangunan bersejarah adalah untuk memulihara dan melindungi daripada mengalami sebarang kerosakan. Faktor kerosakan bangunan ini adalah disebabkan oleh perubahan zaman yang mana cara pembinaan dan bahan binaan yang mengikut arus pemodenan. Penulis berpendapat masih ada yang tidak dapat membezakan antara pembaikan bangunan menggunakan kaedah biasa dengan kaedah pembaik pulih. Tujuan pemuliharaan bangunan ini dilakukan adalah untuk memanjangkan jangka hayat sesebuah bangunan dan mengekalkan nilai warisan dan estetika. Bangunan bersejarah ini wajar dipulihara untuk melambangkan identiti sesebuah bangsa dan budaya yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat.

Kajian yang dijalankan oleh A Ghafar Ahmad (2006) dalam artikelnya yang bertajuk “Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah” beliau menyatakan mengenai prinsip-prinsip pemuliharaan bangunan. Dalam artikel ini menyatakan bahawa pelbagai pihak terlibat dalam kerja-kerja pemuliharaan bangunan termasuklah pemilik bangunan, agensi kerajaan yang berkaitan dengan bangunan warisan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak konsultan seperti arkitek, jurutera, juruukur bahan dan kontraktor bangunan tersebut. Terdapat empat prinsip dalam pemuliharaan bangunan warisan supaya kaedah dan teknik dijalankan dengan betul iaitu mendokumentasikan kerja pemuliharaan serta mengaplikasikan kaedah dan

teknik yang berkesan, mengurangkan gangguan, menjalankan kajian saintifik dan ujian makmal. Namun begitu tahap kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan bangunan bersejarah ini masih berada pada tahap yang rendah meskipun Malaysia telah lama mengamalkan kaedah pemuliharaan bangunan. Rangka kerja ini penting bagi memastikan bangunan warisan ini dipulihara dan dirancang dengan sebaiknya dan menyeluruh. Dalam kajian ini, penulis telah menganalisis pendekatan kajian yang dijalankan untuk menilai kaedah ini kepada bangunan memorial. Melalui kajian yang dijalankan bangunan ini dikenalipasti dengan lima kriteria iaitu usia bangunan, bahan binaan, lokasi bangunan, fungsi asal dan pemilik bangunan terkini. Pengenalpastian ini bertujuan untuk mengetahui kebaikan dan juga kelemahan yang terdapat pada bangunan supaya kajian yang dijalankan lebih bersistematik, teratur dan menyeluruh. Pada masa yang sama, penulis dapat mengenalpasti kelemahan bangunan yang dikaji dengan menilai semula aspek pada bangunan tersebut antaranya ialah pengukuhan lokasi, ketepatan susun atur ruang, ketepatan binaan dan kemudahan bangunan. Penglibatan bersama dalam mempromosikan pelancongan warisan adalah sebagai usaha untuk memulihara bangunan bersejarah. Tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan masyarakat terhadap nilai bangunan bersejarah dapat mempertingkatkan aspek penjagaan dan pemuliharaan yang selaras dengan falsafah rangka kerja pemuliharaan bangunan bersejarah.

Menurut artikel akhbar Berita Harian Online, (2021) bertajuk “Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Perlu Lebih Intensif”. Pihak berkuasa perlu melakukan pemuliharaan dan pemeliharaan yang lebih intensif terhadap bangunan bersejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan bangunan bersejarah ini memiliki

nilai sejarah tinggi yang mampu menjadi tumpuan pelancong. Sekiranya pemuliharaan ini tidak dijalankan dengan secepat mungkin dan dibiarkan dimamah usia ia akan membawa kepada keruntuhan bangunan atau kerosakan yang teruk. Kos yang tinggi diperlukan bagi membaikipulih bangunan rosak menyebabkan negara mengalami kerugian. Kebanyakan bangunan bersejarah ini mempunyai keunikannya yang tersendiri untuk dihargai dan dikagumi oleh generasi seterusnya.

Justeru itu, bangunan bersejarah ini mestilah dipulihara dan dipelihara dengan sebaiknya. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan bersejarah ini adalah sebagai lambang dan bukti kepada peristiwa atau sejarah yang pernah berlaku pada bangunan bersejarah. Pemuliharaan bangunan ini adalah untuk memastikan jangka hayat bangunan dapat dikekalkan untuk menjadi tatapan generasi yang akan datang. Pada masa yang sama juga, pemuliharaan terhadap bangunan bersejarah ini dapat membantu mana-mana pengkaji untuk menjalankan kajian mereka dengan mudah serta boleh dijadikan sebagai rujukan dalam kajian mereka.

### **2.3.3 Muzium**

Menurut artikel akhbar mymetro (2018) bertajuk “Muzium Tertua Negara” menyatakan muzium merupakan sebuah gedung pengetahuan yang mengenai kekayaan warisan bangsa dari segi ilmu dan artifaknya. Muzium ini dianggap sebagai pemegang amanah yang menyimpan pelbagai persoalan mengenai sejarah dan tamadun yang berharga. Selain berperanan sebagai pusat institusi pendidikan, muzium juga bertanggungjawab untuk menyemai rasa cinta akan negara serta

membentuk jati diri bangsa melalui aktiviti atau program yang dijalankan. Ada yang berpendapat bahawa muzium ini membosankan kerana menyimpan pelbagai koleksi barangan lama yang mencecah usia ratusan tahun. Muzium terawal di Asia Tenggara adalah muzium Perak yang terletak di antara persimpangan Jalan Taming Sari dan Jalan Muzium Ulu di Taiping. Muzium ini berusia 135 tahun dan telah dirasmikan oleh pemangku Yang Dipertuan Agong Sultan Nazrin Shah Muizzuddin Shah ketika ulang tahunnya. Muzium telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Kebangsaan disebabkan usianya melebihi 100 tahun yang dibina oleh seorang Residen British. Penubuhan muzium ini dirasakan berasas oleh pihak Pentadbiran British kerana ia berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan pengumpulan bahan bersejarah, adat resam, budaya serta alam semulajadi tempatan. Ini adalah usaha pihak British ketika itu untuk memahami cara hidup serta budaya tempatan dan juga memudahkan mereka mentadbir negara.

Artikel mengenai “Pengenalan kepada Permuziuman” oleh Nor Hanisah Ahmad (t.th) ini penulis membincangkan mengenai definisi, latar belakang dan sejarah perkembangan muzium. Muzium merupakan tempat untuk menyimpan pelbagai khazanah negara yang berharga. Istilah ini berasal daripada perkataan Yunani “*musoseion*” membawa maksud tempat suci yang menghiburkan pelawatnya. Penulis menceritakan mengenai penubuhan muzium adalah sebagai tempat para ilmuan dan ahli falsafah saling bertukar pandangan. Bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan dikumpul untuk dijadikan sebagai bukti dan rujukan. Antaranya ialah bahan yang berkaitan dengan sejarah, seni budaya, astronomi dan keagamaan. Muzium pertama dipercayai ditubuhkan di dunia adalah

muzium Alexandria sekitar kurun 3SM. Muzium ini ditubuhkan oleh Ptolemy II berdasarkan penemuan yang ditulis oleh Tiberius Claudius Balbilus sekitar 56 SM. Sejarah perkembangan muzium pada abad ke 20 di Tanah Melayu dikenali dengan nama “sekolah gambar” oleh penduduk. Ia bermula dengan penubuhan muzium Taiping pada tahun 1883 yang dicetuskan oleh Residen British ketika itu. Tujuannya adalah untuk mengkaji budaya dan adat resam setempat serta memahami cara hidup masyarakat hidup tempatan untuk memudahkan mereka mentadbir Tanah Melayu. Setelah itu, penubuhan muzium terus berkembang dengan objektifnya yang tersendiri. Kewujudan muzium adalah untuk mengekalkan dan untuk menyimpan khazanah negara serta warisan untuk menjadi tatapan generasi yang akan datang. Khazanah yang disimpan ini merupakan bukti dan sejarah mengenai negara. Ia adalah medium untuk menyebarkan maklumat penting kepada masyarakat dan bangsa. Melalui program yang dianjurkan seperti seminar, bengkel, pameran dan juga forum. Pada masa yang sama, muzium ini berperanan dalam memupuk dan mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, dalam kertas kerja yang bertajuk “Impak terhadap Muzium” oleh Rafidah Abdullah (t.th), menyatakan muzium membawa maksud sebuah institusi bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya terbuka kepada umum yang memperoleh, menyelidik, memelihara, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pendidikan dan kesenangan barang-barang pembuktian manusia dan lingkungannya. Berdasarkan kertas kerja ini, penulis turut mengetengahkan isu masa kini mengenai muzium iaitu kurang minat untuk mengunjungi muzium dan menjadi destinasi kurang penting dalam kalangan

masyarakat. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat disamping untuk menambah pemahaman masyarakat terhadap muzium dengan mengenali muzium dengan lebih dekat, mengetahui peranan muzium serta mencintai muzium. Penulis menyatakan bahawa program di muzium ini mestilah diselaraskan dengan pendidikan negara kepada semua pembelajaran. Selain itu, pihak institusi pendidikan mestilah bekerjasama agar pendidikan ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Setiap orang perlulah menangkis tanggapan negatif terhadap muzium supaya semua agenda yang ingin dilaksanakan tercapai.

Melalui kajian yang bertajuk Konsep Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu menyatakan muzium berperanan dalam mengumpul, menjaga, merawat dan mempamerkan warisan ketara dan tidak ketara Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2020). Berdasarkan idea penubuhan muzium ini bertujuan untuk mengumpul dan memelihara artifak seni budaya serta menyelidik dan mempamerkan untuk tatapan generasi akan datang. Medium pendidikan merupakan matlamat akhir bagi mendidik bangsa berkaitan warisan. Muzium juga merupakan sebuah tempat untuk menyampaikan maklumat seperti yang diumpamakan oleh Paris bahawa muzium sebagai sebuah universiti kepada manusia. Di negara kita, kerajaan telah menerima pakai mengenai falsafah dan bentuk muzium pada zaman penjajahan British. Selepas kemerdekaan model sistem yang diguna pakai oleh British ini telah ditiru oleh Malaysia yang merangkumi penyimpanan artifak berharga, menyusun dan mengelasifikasikan bersesuaian dengan tahun khusus serta mentafsirkan artifak.

Menurut akhbar Berita Harian Online bertajuk “Muzium Pupuk Rasa Cinta kepada Negara,” (2019) menyatakan bahawa muzium dapat memupuk semangat cinta akan negara serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan pelajar menerusi Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM). Program ini adalah sebagai usaha dalam mengintegrasikan pelajar yang daripada belakang sosiobudaya. Gabungan pendidikan formal dan tidak formal melalui konsep silang budaya yang boleh diperolehi daripada muzium. Program ini juga mengaktifkan Program pembelajaran Luar Bilik Darjah melalui program pembangunan sahsiah murid dengan mengadakan lawatan ke muzium. Dengan Pelaksanaan IPIM ini merupakan landasan terbaik kepada masyarakat untuk mengenal dengan mendalam sejarah negara. Pada masa yang sama, dapat melihat dan memahami apa yang dipamerkan dia muzium tersebut. Penglibatan muzium dalam bidang pendidikan ini dapat memberi kelebihan kepada pelajar sekolah untuk mengetahui makna sejarah dengan lebih mendalam serta mempertahankan warisan negara. Hal ini sekaligus mewujudkan perasaan cinta akan negara dalam kalangan rakyat.

Muzium merupakan tempat rujukan kepada masyarakat mengenai sejarah lampau. Melalui kajian yang dijalankan ke atas Penerimaan masyarakat terhadap institusi muzium iaitu Kajian Kes di muzium Negeri Kelantan. Muzium adalah tempat penyimpanan khazanah sejarah purba (Muhammad Ainuddin Mustafa, (2015). Istilah muzium menurut bahasa Inggeris adalah “Museum” manakala dalam bahasa Yunani “Mouseion”. Muzium Iskandariah pada abad ke 3 SM dibina untuk memaparkan kehebatan kerajaan Firaun. Muzium muncul seiring dengan peredaran masa. Dahulunya, muzium hanya dijadikan sebagai tempat untuk menyimpan



barangan antik, seni dan spesimen persendirian. Pada ketika ini muzium terbuka kepada umum. Asal-usul muzium dikatakan berasal dari barat dan dibuka secara persendirian dengan pengumpulan koleksi antik serta specimen sains. Penulis mengetengahkan mengenai permasalahan muzium dalam kajiannya. Penulis mendapati kurang pendedahan awal terhadap muzium ini menyebabkan masyarakat kurang memahami mengenai kepentingan muzium. Tanggapan negatif terhadap muzium seperti muzium hanya untuk menyimpan barang purba dan tidak memberi manfaat kepada kehidupan sosial budaya, politik dan ekonomi. Kadar bayaran yang dikenakan turut menjadi isu yang menjadi punca masyarakat berfikir panjang untuk mengunjunginya. Kajian yang dijalankan terhadap muzium adalah untuk mengenalpasti permasalahan terhadap penerimaan masyarakat terhadap muzium.

Berdasarkan artikel yang bertajuk Pendidikan Warisan di muzium: Kajian berkaitan Penggunaan Laras Bahasa yang ditulis Ab Samad Kechot et al. (2012). Dalam kajian ini menyatakan bahawa muzium adalah institusi yang bersifat tetap, tidak mementingkan keuntungan, tempat untuk mengumpul bahan dokumentasi, memelihara, mempamerkan serta menginterpretasi untuk mendidik masyarakat. Muzium ini adalah sebagai pusat untuk mendapatkan maklumat dan mencari bahan rujukan serta berfungsi sebagai khidmat nasihat kepada masyarakat. Di samping itu, muzium berperanan dalam menyimpan dan memelihara bahan-bahan sejarah dan warisan budaya negara untuk tujuan pengkajian. Dari segi pameran pula, muzium berperanan untuk menjadi bahan bukti manusia dan persekitarannya. Penulis mengetengahkan permasalahan kajian terhadap muzium iaitu muzium dijadikan sebagai pusat hiburan popular selepas berlakunya proses evolusi. Muzium menjadi



pilihan terakhir untuk dikunjungi sekiranya diberikan pilihan. Metodologi yang dijalankan adalah melalui kajian perpustakaan, pemerhatian dan temubual. Penulis menjalankan kajian adalah untuk melihat penggunaan laras bahasa dan kepentingannya dalam pendidikan warisan serta meneroka persepsi pengunjung terhadap pameran. Pemahaman terhadap muzium ini memberi makna terhadap kandungan dalam sesebuah muzium yang mempunyai pelbagai jenis warisan mengikut tujuan dan objektif penubuhan muzium tersebut. pendidikan warisan ini memberi sumbangan yang tersebut iaitu pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Pendidikan yang berkesan adalah penggunaan laras yang betul manakala pendidikan boleh membantu pengunjung memperoleh pendidikan di muzium.

Artikel akhbar *Daily Express*, (2019) yang bertajuk “Muzium memainkan peranan aktif dalam pembangunan budaya”. Dalam pembangunan kebudayaan, muzium memainkan peranan aktif. Muzium pada ketika ini telah mengubah pendekatannya agar lebih dekat dengan masyarakat selain daripada berfungsi sebagai pengumpulan, pemuliharaan, komunikasi, penyelidikan dan pameran. Pendekatan inovatif yang digunakan ini adalah untuk menangani pelbagai isu kontemporari dan konflik yang berlaku. Di samping itu, muzium berfungsi sebagai sebuah institusi kepada para sarjana dan sejarawan serta penyelidik untuk menyebarkan pengetahuan dan pengalaman mereka kepada masyarakat. Masyarakat perlulah mempertahankan sejarah, budaya dan warisan untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang kuat.

Oleh itu, muzium adalah sebuah tempat untuk menyimpan khazanah negara. Ia juga sebagai tempat untuk mencari maklumat dan bahan yang berkaitan dengan

sejarah negara. Muzium juga bertindak sebagai tempat untuk mengkaji dan mencari bahan kajian sama ada pendidikan formal atau tidak formal. Muzium ini memainkan peranan untuk menjadi sebuah institusi pendidikan kepada masyarakat dan juga kepada penyelidik. Justeru itu, tanggapan negatif terhadap muzium ini mesti dihindari dalam kalangan masyarakat.

#### **2.4 Kerangka Teoritikal**

Kerangka teoritikal membantu pengkaji untuk menentukan tujuan pengkaji dalam menjalankan kajian. Ia juga menentukan mengenai persoalan kajian yang hendak dilakukan. Kerangka teoritikal ini membantu pengkaji bagi mengenalpasti topik yang hendak dikaji. Kajian yang dilakukan adalah berpandukan kepada kajian lepas yang dijalankan oleh para sarjana. Di samping itu, ia membantu pengkaji dengan memberi panduan untuk memilih responden yang sesuai.

Kerangka teori ini penting dalam penyelidikan kerana melalui teori yang digunakan dapat menyelesaikan masalah yang dikaji menurut H. Nawawi, (1995). Ia dijadikan sebagai asas teori atau rasional dalam menjalankan penyelidikan. Ini sangat penting kepada penyelidik untuk membina kerangka teori ini untuk menggambarkan permasalahan dalam kajian yang dijalankan. Manakala Amran Mat Arriffen (t.th) mendefinisikan kerangka teori sebagai teori yang mendasarkan kajian yang ingin dijalankan.

Bonink (1992) menjelaskan mengenai pendekatan tapak dan monumen terhadap pelancongan budaya. Pelancongan budaya ini mempunyai pelbagai jenis tempat menarik untuk menarik kedatangan pelancongan. Pelancongan budaya tidak merangkumi penggunaan

produk budaya pada masa lalu, tetapi zaman budaya atau kehidupan seseorang atau wilayah. Justeru itu, pelancongan budaya ini dilihat sebagai gabungan kedua-keduanya. Persatuan Eropah untuk pelancongan dan Pendidikan Riadah (ATLAS) menjalankan penyelidikan dalam kalangan pengunjung budaya di Amsterdam telah membuktikan bahawa pelancongan budaya mempunyai ruang lingkup yang lebih luas daripada definisi tapak dan monumen. Antara tempat atau kawasan yang disenaraikan oleh (ECTAR, 1989) ialah tapak arkeologi dan muzium, senibina seperti runtunan, bangunan terkenal atau seluruh bandar, kesenian seperti ukiran, kraf galeri, perayaan dan peristiwa. Manakala muzik dan tarian terdiri daripada klasik, lisan dan semasa, drama adalah seperti teater, filem atau pelakon drama. Bahasa dan sastera pula terdiri daripada perayaan keagamaan dan amalan budaya primitif. Perkara ini secara jelas menunjukkan bahawa konsep budaya sebagai produk dan 'budaya tertinggi' bahkan bukan kepada budaya itu sebagai proses.

Menurut Lord (1999), sektor terbesar yang menjadi penyumbang kepada ekonomi utama di dunia ialah pelancongan budaya kerana kekuatan sub pelancongan ini terletak kepada kemampuannya memberikan kepuasan kepada keinginan pelancong. Oleh itu, kajian ini adalah untuk menganalisis potensi dan sumbangan bangunan bersejarah Kota Lama Duyong sebagai pelancongan warisan. Hal ini kerana, melalui kaedah suai guna semula bangunan bersejarah sebagai muzium dapat menarik lebih ramai pelancong kerana fungsinya yang tersendiri. Pelancong lebih tertarik untuk melihat keunikan dan keistimewaan bangunan yang diubah suai. Konsep Pendekatan Tapak dan Monumen yang digagaskan oleh Bonink (1992) ini penting bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian terhadap bangunan bersejarah. Kerangka teori bagi kajian adalah seperti berikut:

**SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN BERSEJARAH:  
KAJIAN KEATAS KOTA LAMA DUYONG SEBAGAI  
MUZIUM**

**Analisis:** Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992)

Pendekatan suaiguna semula ini mempengaruhi potensi dan sumbangan bangunan bersejarah sebagai pelancongan warisan

Pelancongan budaya tidak merangkumi penggunaan produk budaya pada masa lalu, tetapi zaman budaya atau kehidupan seseorang atau wilayah. Pelancongan budaya ini dilihat sebagai gabungan kedua-keduanya. Ia mempunyai ruang lingkup yang lebih luas daripada definisi tapak dan monumen. Antara tempat atau kawasan yang disenaraikan oleh (ECTAR, 1989) ialah tapak arkeologi dan muzium, senibina seperti runtuhan, bangunan terkenal atau seluruh bandar, kesenian seperti ukiran, kraf galeri, perayaan dan peristiwa.

Negara


Masyarakat  
setempat

Institusi pendidikan

Sejarah pembinaan Kota  
Lama Duyong

Usaha-usaha yang telah  
diambil oleh pihak berwajib  
untuk menyesuaikan  
semula Kota Lama Duyong  
sebagai muzium

Potensi dan Sumbangan  
Kota Lama Duyong  
sebagai produk  
pelancongan warisan



Rajah 2.1: Kerangka Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992)

## 2.5 Kesimpulan

Bab ini menghuraikan mengenai kajian lepas yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu. Sorotan kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada tajuk kajian. Secara keseluruhan kajian lepas yang dijalankan para sarjana terdahulu tidak hanya menumpukan kepada kaedah penyesuaigunaan semula malahan juga menumpukan kepada aspek pemuliharaan. Perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana ini dapat membantu pengkaji memahami kajian ini menyeluruh. Pandangan para sarjana ini dapat dijadikan sebagai rujukan untuk menumpukan kajian yang dijalankan dengan lebih mendalam. Pengkaji menggunakan konsep Pendekatan Tapak dan Monumen sebagai produk pelancongan warisan terhadap Kota Lama Duyong, Terengganu. Ini bertujuan untuk melihat sejauhmana potensi dan sumbangan Kota Lama Duyong sebagai produk pelancongan warisan.


## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah kaedah yang perlu diberikan perhatian bagi mendapatkan data dan hasil kajian yang tepat dan boleh dipercayai. Kaedah ini digunakan bagi mencapai objektif kajian. Menurut Othman Ahmad (2001), metodologi adalah kaedah yang sistematik menggabungkan pendekatan kajian yang digunakan serta analisis data bagi memastikan kajian yang dijalankan dapat dicapai dengan baik.

Bab ini menerangkan mengenai kaedah yang digunakan dalam kajian guna semula bangunan bersejarah, kajian ke atas Kota Lama Duyong, Terengganu. Metodologi kajian ini penting untuk menentukan ketepatan maklumat atau data yang diperolehi. Dalam bab ini, menghuraikan mengenai proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan kesahan dan kebolehpercayaan. Konsep kajian ini juga akan dihuraikan dalam bab ini. Menurut Sabitha (2006), reka bentuk kajian adalah pelan tindakan yang memperlihatkan dengan lebih terperinci bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Ia berfungsi sebagai panduan kepada penyelidik untuk menganalisis dan membuat tafsiran dalam kajian. Tujuan reka bentuk kajian ini adalah untuk mengawal punca-punca bias yang mengganggu dapatan kajian (Mc Millan & Schumacher 1984). Bagi memberikan gambaran mudah dalam kajian ini, pengkaji merumuskan secara ringkas dalam rajah 3.1 di bawah:



Rajah 3.1 Carta alir reka bentuk kajian

## 3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data adalah proses, cara, perbuatan mengumpul atau menghimpun data bagi mendapatkan maklumat sesuatu kajian (Afid Burhanuddin, 2014). Menurut Sabitha Merican (2015), data ialah pengiraan ke atas ciri- ciri, kejadian, fakta atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Teknik pengumpulan data ini digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Oleh itu, sumber yang digunakan bagi proses pengumpulan data ini adalah menggunakan teknik berikut:

### 3.2.1 Data Sekunder

Menurut Sugiyono (2016) data sekunder adalah data yang tidak menyediakan data secara langsung kepada pengumpul data. Data sekunder adalah data yang dikumpul dan diperolehi oleh penyelidik daripada sumber sedia ada seperti melalui orang lain atau dokumen. Kaedah ini membantu untuk mendapatkan data dan maklumat yang tidak mampu dijawab orang lain. Oleh itu, proses pengumpulan data ini merujuk kepada kajian kepustakaan.

#### i. Kajian Kepustakaan

Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod sedia ada. Kaedah ini membantu bagi menyokong dapatan kajian melalui pengumpulan data yang bersifat sekunder. Bagi mendapatkan data berkaitan dengan kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Kota Lama Duyong. Pengkaji melawati Perpustakaan Awam Negeri Terengganu untuk mencari bahan rujukan seperti majalah, artikel, keratan



akhbar dan tesis berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji juga telah menelaah kajian lepas yang disimpan disitu berkenaan dengan pemuliharaan Kota Lama Duyong ini. Pada masa yang sama, pengkaji juga melayari laman sesawang berkaitan kajian yang dijalankan untuk menambahkan maklumat dan melengkapkan kajian ini. Pengkaji merujuk buku yang bertajuk ‘Tamadun Awal Bermula Di sini’ yang dikarang oleh Dato Wan Hisham Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhammad edisi pertama (2006) untuk mengetahui sejarah Kota Lama Duyong, Terengganu.

### 3.2.2 Data Primer

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer bermaksud data dari sumber asli atau pertama. Data primer ini adalah data yang diperolehi daripada sumber pertama sama ada daripada individu atau individu seperti temu bual (Husein Umar, 2013). Bagi mengetahui kajian terhadap guna semula bangunan bersejarah, kajian ke atas Kota Lama Duyong, kaedah pengumpulan data digunakan dengan perolehan data primer melalui temu bual.

#### i. Temu bual

Temu bual merupakan perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul data mengenai kajian yang dijalankan. Menurut Denzin (2001), temu bual hendaklah digunakan lebih daripada satu alat pengumpulan data di mana temu bual perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan serta keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena. Temu bual didefinisikan menurut Kahn dan Cannell (1957) (dalam Marshall & Rossman) sebagai “perbualan dengan bertujuan” (*conversation with a purpose*). Terdapat 3 jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur. Bagi

mendapatkan maklumat mengenai kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur. Temu bual semi berstruktur ini adalah di mana soalan ditentukan dahulu tetapi jawapan tersebut adalah terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan orang yang terlibat. Oleh itu, kaedah yang digunakan ini dapat diaplikasikan untuk menemubual seorang ketua penyelia Kota Lama Duyong, seorang pegawai muzium, pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, seorang pegawai Pusat Pelancongan Negeri Terengganu dan seorang penjaga Kota Lama Duyong.

### **3.3 Kaedah Analisis Data**

Araghana dan Lexy J. Moleong (2002) menyatakan kaedah analisis data adalah satu proses mengatur urutan data, mengorganisasikan dalam pola, kategori dan unit penerangan asas. Manakala menurut Taylor (1975), kaedah analisis data adalah proses yang terperinci untuk merumuskan hipotesis. Proses ini memerlukan penelitian yang terperinci bagi memastikan kesahihan kajian yang dijalankan. Oleh itu, dalam kajian terdapat satu kaedah yang digunakan bagi menganalisis data iaitu kaedah kualitatif.

#### **3.3.1 Analisis Data Kualitatif**

Bagi analisis data kualitatif asasnya ia merupakan proses yang berterusan dan non-linear. Ia merupakan prosedur analitik yang melibatkan pemeriksaan makna ke atas kata-kata dan tindakan manusia. Menurut Merriam (2001) analisis data data merupakan proses yang kompleks yang melibatkan pertimbangan antara data yang konkrit dengan konsep abstrak, antara penakulan induktif dan deduktif, antara deskripsi dan interpretasi. Analisis data bagi kaedah kualitatif ini menggunakan kaedah analisis tematik. Menurut

Braun & Clarke (2006), kaedah tematik analisis ini merupakan satu cara untuk menganalisis data yang bertujuan untuk mengidentifikasikan pola atau menemukan tema melalui data yang dikumpul oleh penyelidik. Kaedah tematik yang berkesan adalah apabila penelitian ini membawa maksud untuk mengupas secara terperinci data -data kualitatif yang mereka guna untuk menemukan pola yang berkaitan dalam sebuah fenomena dan menjelaskan bagaimana fenomena tersebut terjadi melalui pemerhatian yang teliti (Fereday & Muir- Cochrane, 2006).

Terdapat beberapa tahap dalam melakukan analisis kajian menggunakan kaedah ini iaitu tahap pertama ialah memahami data. Tahap kedua ialah pengkodan dan tahap ketiga ialah mencari tema. Kaedah analisis tematik tahap pertama ini ialah mengupas secara mendalam apa yang berlaku pada sesuatu peristiwa melalui informer yang terlibat. Rakaman dan skrip wawancara penting dan perlu difahami dengan mendalam. Selain itu, catatan peribadi penting untuk menulis isi yang diutarakan oleh informer. Tahap kedua adalah pengkodan (*coding*). Menurut Liamputtong (2009), data kualitatif adalah langkah untuk melaksanakan *coding* dalam memahami makna atau pola maklumat pada data kualitatif. *Coding* adalah proses untuk menguji data sama ada dalam bentuk kata-kata atau frasa. Tahap ketiga adalah mencari tema. Menurut Boyatzis (1998), tema ini menggambarkan pola daripada fenomena yang teliti. Tema ini berkaitan dengan mencari rumusan masalah dengan lebih teliti. Oleh itu, berdasarkan kaedah tematik dalam kajian kualitatif, penyelidik perlulah memahami dengan mendalam mengenai persoalan temu bual dan juga memahami data-data yang diperolehi daripada informer dalam kajian guna semula bangunan bersejarah dan sumbangan terhadap pelancongan warisan.

### 3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Bagi mengelakan berlakunya kecacatan dan kesalahan dalam mempertahankan kejituan instrumen kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) ini penting dalam instrumen kajian. Menurut Chua Yan Piaw (2014), mendefinisikan kesahan sebagai kemampuan satu pengukuran yang dilakukan untuk mengukur nilai sebenar mengenai konsep dalam hipotesis. Sebuah penyelidikan yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi mencerminkan bahawa hasil dapatan kajian ini mampu memberi ketepatan berdasarkan fakta dan bukti.

#### 3.4.1 Kesahan Instrumen Temu Bual (Kualitatif)

Melalui kaedah kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat ini. Melalui kaedah temu bual ini pengkaji dapat mengenalpasti potensi yang ada pada Kota Lama ini untuk dijadikan sebagai muzium. Kaedah ini merupakan kaedah yang penting dan mempunyai kesahan yang tinggi. Melalui kaedah ini pengkaji akan menemu bual 5 orang penting di Kampung Pulau Duyong. Kaedah dijalankan dengan menemu bual 2 orang wakil pihak Muzium Terengganu, seorang wakil pusat pelancongan Terengganu, seorang pensyarah Universiti Malaysia Kelantan dan penjaga Kota Lama Duyong berhampiran dengan Kota Lama ini. Hal ini kerana, melalui kaedah temu bual ini pengkaji dapat mengetahui usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak berwajib untuk menyesuaikan semula Kota Lama Duyong, Kuala Terengganu sebagai muzium. Hal ini dikatakan demikian kerana, responden yang akan ditemubual ini lebih mengetahui keadaan dan potensi yang ada pada Kota Lama tersebut untuk dijadikan sebuah muzium. Temu bual responden seramai 5 orang cukup untuk menjadi bukti dan mengumpul bagi mengukur ketepatan hasil kajian.

Lincoln dan Guba, (1985) mengemukakan empat kriteria iaitu kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehharapan dan *confirmability* untuk mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif iaitu:

i. Kebolehpindahan

Kebolehpindahan adalah untuk memastikan dapatan kajian boleh diaplikasikan dalam konteks lain. Mengikut Lincoln dan Guba (1985) deskripsi yang terperinci (*thick*) merupakan satu kaedah untuk mencapai kesahan luaran. Dapatan kajian ini diperolehi daripada data deskripsi yang dikumpul daripada pelbagai sumber yang menerangkan fenomena yang dikaji secara terperinci dan mendalam. Namun, kajian kualitatif bukan untuk mencari kebenaran umum atau membuat generalisasi terhadap sesuatu fenomena yang dikaji seperti kajian kuantitatif, malahan objektif kajian kualitatif adalah untuk memahami sesuatu fenomena secara mendalam. Ini bermakna sejauhmana dapatan kajian boleh diaplikasikan kepada situasi yang lain bukan objektif kajian kualitatif (Merriam, 1998).

ii. Kebolehharapan

Kebolehharapan diaplikasikan untuk memastikan dapatan kajian adalah konsisten dan boleh diulangi. Kriteria tersebut adalah mempunyai persamaan dengan kebolehpercayaan kajian (Merriam, 1998). Hal ini kerana sekiranya kajian yang sama diulangi, dapatan yang sama akan ditemui. Dalam kajian kualitatif, manusia ialah instrumen kajian, maka ulangan kajian kualitatif tidak semestinya akan mendapat dapatan kajian yang sama. Namun, masalah ini dapat diatasi ataupun menjadikan dapatan kajian lebih boleh dipercayai melalui latihan dan praktik.

Walau bagaimanapun, semakan penyelia untuk kajian merupakan teknik yang diaplikasikan untuk mendapat keboleharapan kajian ini. Penyelia adalah sebagai audit luaran yang terlibat dalam proses kajian ini. Tujuan tersebut adalah untuk menilai ketepatan dapatan, interpretasi dan kesimpulan yang dibuat berdasarkan data yang dikumpul.

### **3.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian secara menyeluruh. Perbincangan bab ini merangkumi proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan kesahan dan kebolehpercayaan. Metodologi kajian adalah satu kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan tepat berdasarkan aspek kajian yang dikaji. Oleh itu, metodologi kajian ini membantu kajian terhadap guna semula bangunan bersejarah dan sumbangan sebagai produk pelancongan warisan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif melalui temu bual semi berstruktur dan kajian kepustakaan.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan analisis data yang diperoleh dari kaedah kuantitatif berkaitan SuaiGuna Semula Bangunan Bersejarah: Kajian keatas Kota Lama Duyong, Terengganu. Dengan menggunakan Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink,1992). Data-data temu bual ini telah dianalisis menggunakan kaedah transkrip iaitu mengubah bentuk rakaman suara ke dalam teks. Temubual ini dijalankan secara dalam talian iaitu menggunakan “*google meet* dan *whatsapp*” disebabkan oleh penularan pandemik covid19. Temubual telah dijalankan keatas 5 orang responden yang terdiri daripada ketua penyelia Kota Lama Duyong, seorang wakil pegawai muzium, seorang pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, seorang pegawai pusat pelancongan Negeri Terengganu dan seorang penjaga Kota Lama Duyong.

#### 4.2 ANALISIS DAPATAN TEMUBUAL RESPONDEN

Berdasarkan perbincangan pada awal bab ini, dapatan kajian ini diperolehi hasil temubual 5 orang responden bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian SuaiGuna Semula Bangunan Bersejarah: Kajian keatas Kota Lama Duyong, Terengganu. Analisis kajian ini dijalankan berdasarkan 12 soalan yang dikemukakan kepada semua responden. Setiap setiap soalan ini dibahagikan kepada tiga tema iaitu pengetahuan mengenai sejarah pembinaan Kota Lama Duyong, usaha untuk menyesuaikan Kota Lama Duyong serta

potensi dan sumbangan bangunan bersejarah kepada produk pelancongan warisan. Pengetahuan, pendapat dan pengalaman setiap responden telah dikelaskan mengikut tema dan sub tema untuk tujuan dianalisis. Pada masa yang sama, bagi melabelkan tema-tema dalam analisis ini kod turut digunakan berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 4.1 : Senarai Responden dan Huraian

Kod Responden	Huraian
KPKLD1 - R1	Ketua Penyelia Kota Lama Duyong 1
PM2 - R2	Pegawai Muzium 2
PUMK3 – R3	Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan 3
PPPNT4 – R4	Pegawai Pusat Pelancongan Negeri Terengganu 4
PKLD5 – R5	Penjaga Kota Lama Duyong 5

Sumber Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.2: Tema dan Subtema Temu bual

No.	Tema	Sub Tema
A	Sejarah Pembinaan Kota Lama Duyong	A1 Pengetahuan responden mengenai sejarah pembinaan Kota Lama Duyong. A2 Nama Kota Lama Duyong



B	Usaha untuk menyesuaikan semula Kota Lama Duyong	<p>B1 Usaha – usaha yang dijalankan, siapa yang terlibat dan bilakah ia bermula</p> <p>B2 Usaha memulihara dan memelihara melibatkan kos yang tinggi</p> <p>B3 Sejauhmana usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib</p> <p>B4 Huraikan mengenai kaedah penyesuaigunaan yang terbaik</p> <p>B5 Pandangan terhadap kaedah suaiguna</p> <p>B6 Sejauhmanakah penglibatan komuniti</p> <p>B7 Peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah</p>
C	Potensi dan sumbangan bangunan bersejarah kepada produk pelancongan warisan	<p>C1 Kota Lama Duyong sebagai produk pelancongan warisan</p> <p>C2 Langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah</p> <p>C3 Faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan</p>

Sumber Kajian Lapangan, 2021

Temu bual telah dijalankan keatas 5 orang responden yang mempunyai pengetahuan am terhadap Kota Lama Duyong, Terengganu. Responden terdiri daripada 3 orang perempuan

dan 2 orang lelaki yang berumur 35 tahun hingga 60 tahun. Kesemua responden adalah berbangsa Melayu. Huraian ini ditunjukkan pada rajah di bawah:

Jadual 4.3: Profil Responden Berdasarkan Jantina, Umur, Bangsa dan Pengalaman

Profil Responden	KPKLD - R1	PM -R2	PUMK - R3	PPNT -R4	PKLD - R5
<b>Jantina</b>					
Lelaki			/		/
Perempuan	/	/		/	
<b>Bangsa</b>					
Melayu	/	/	/	/	/
<b>Kelulusan</b>					
Diploma/ STPM		/			/
Ijazah Sarjana Muda / Sarjana	/		/	/	
Doktor Falsafah (PhD)					
<b>Pengalaman</b>					
1-3 tahun					
4- 6 tahun	/	/			/
7- 10 tahun				/	
Lebih 10 tahun			/		

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Analisis temu bual juga mengambil kira berdasarkan pengalaman dan pengetahuan am yang ada pada responden. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap responden mempunyai pendapat yang berbeza terhadap Kota Lama Duyong.

#### **4.3 SEJARAH PEMBINAAN KOTA LAMA DUYONG**

Analisis temubual ini dibahagikan kepada dua soalan iaitu mengenai sejarah pembinaan Kota Lama Duyong dan sebab dinamakan Kota Lama Duyong. Dalam analisis ini setiap responden akan menceritakan mengenai sejarah pembinaan Kota Lama Duyong. Berikut adalah hasil temu bual bersama responden:

##### **4.3.1. Pengetahuan Terhadap Sejarah Pembinaan Kota Lama Duyong**

Analisis ini adalah mengenai pengetahuan responden terhadap sejarah pembinaan Kota Lama Duyong. Menurut responden bangunan Kota Lama ini diasaskan oleh Nik Mohd Bin Hitam atau dikenali dengan nama Dato Biji Sura. Beliau adalah hakim pertama yang dilantik pada ketika itu. Bangunan ini mula dibina pada tahun 1919 oleh beberapa orang tukang dari Thailand, Indonesia dan juga Singapura. Berikut adalah pendapat semua responden pertama :

*Kota Lama Duyong ini diasaskan oleh Dato Biji Sura atau dengan nama sebenarnya ialah Nik Mohd Bin Hitam. Kota Lama Duyong ini dibina pada tahun 1919 oleh beberapa orang tukang dari Thailand, Indonesia dan Singapura.*

(R1- KPKLD)

Pendapat ini turut disokong oleh responden kedua, ketiga, keempat dan kelima mengenai sejarah pembinaan Kota Lama Duyong. Mereka berpendapat bahawa seni

bina dan reka bentuk yang menarik dalam membina bangunan menjadikan bangunan kelihatan unik dan perlu dipelihara dengan sebaiknya. Kota Lama Duyong dibina pada tahun 1919 dan siap sepenuhnya pada tahun 1920. Sejarah pembinaan ini juga dikaitkan dengan kedatangan seorang guru dari Pattani yang bermastautin di Pulau Duyong. Beliau mengajar ilmu agama kepada penduduk Pulau Duyong dan serata penduduk di negeri Terengganu. Bangunan Kota Lama ini menyerupai seperti rumah-rumah tradisional lain di Terengganu iaitu menyerupai rumah Bujang Berepeleh, Limas Bungkas dan Potong Belanda. Dari segi rekabentuk rumah sama seperti Istana Kecil Raja Melayu tetapi diselitkan dengan unsur Yunani atau dengan nama Corinthian pada dinding dan tiang. Pembinaan Kota Lama Duyong ini dikatakan unik kerana binaan yang digunakan berbeza dengan sekarang. Antara bahan pembinaan yang digunakan dalam pembinaan Kota Lama ini adalah bahan campuran iaitu madu, kapur tohor, putih telur, pasir, dan batu. Putih telur ini digunakan dalam pembinaan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pembinaan rumah tersebut.

*Kota Lama Duyong ini dibina pada tahun 1919 dan siap sepenuhnya pada tahun 1920. Bangunan ini dibina oleh beberapa orang tukang Melayu, Indonesia, Singapura dan Thailand.*

(R2- PM)

*Sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ini bermula dengan kedatangan seorang guru agama dari Pattani yang bermastautin di Pulau Duyong. Beliau mengajar ilmu agama kepada penduduk Pulau Duyong malahan melampaui penduduk negeri Terengganu. Bangunan ini dibina pada tahun 1919 oleh beberapa orang tukang yang diupah daripada Thailand, Singapura dan Indonesia. Pembinaan bangunan Kota Lama ini siap sepenuhnya pada tahun 1920.*

(R3- PUMK)

*Bangunan Kota Lama ini menyerupai rumah tradisional lain seperti rumah Bujang Berepeleh, Limas Bungkus dan Potong Belanda. Rekabentuknya sama seperti Istana Kecil Raja Melayu tetapi dimasukkan dengan unsur Mesir atau Corinthian pada tiang dan dinding.*

(R4- PPNT)


*Kota Lama Duyong ini sebenarnya dah lama pembinaannya. Banyak kali dibaikpulih untuk tujuan pemuliharaan. Pembinaan Kota Lama ini unik kerana bahan yang digunakan pun berbeza dengan sekarang. Bahan yang digunakan dalam pembinaan Kota Lama ini adalah bahan campuran iaitu madu, kapur tohor, putih telur, pasir, batu. Putih telur ini digunakan dalam pembinaan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pembinaan rumah.*

(R5- PKLD)

Menurut kelima-lima responden, Kota Lama Duyong dibina pada tahun 1919 dan siap sepenuhnya pada tahun 1920. Bangunan Kota Lama ini dibina oleh beberapa orang tukang yang diupah dari Thailand, Singapura dan Indonesia. Rekabentuk bangunan ini adalah seperti Istana Kecil Raja Melayu tetapi dimasukkan dengan unsur asing terutamanya pada tiang dan dinding. Pada masa yang sama, bahan yang digunakan dalam pembinaan bangunan Kota Lama ini adalah bahan campuran daripada madu, kapur tohor, putih telur, pasir dan batu.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN


Gambar 4.1: Bahan yang digunakan dalam pembinaan Kota Lama Duyong



Gambar 4.1: Bahan yang digunakan dalam pembinaan Kota Lama Duyong

Sumber : Buku Tamadun Baru Bermula di Sini, 2006

Gambar 4.2: Rekabentuk tiang dari unsur asing dan atap dari warisan rumah lama yang dimasukkan ke dalam pembinaan bangunan Kota Lama Duyong



#### 4.3.2 Nama Kota Lama Duyong

Analisis tema ini merangkumi pendapat responden mengenai nama Kota Lama Duyong. Menurut responden bangunan ini dinamakan Kota Lama Duyong kerana bangunan ini dikelilingi oleh tembok batu yang bertujuan untuk mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk yang berada sekitar. Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk keselamatan. Selain itu, kawasan ini juga merupakan kawasan yang berhampiran dengan Pulau Duyong dan pelancong yang berkunjung pasti dapat membezakan bangunan ini dengan rumah penduduk tempatan. Pendapat ini dijelaskan dan dipersetujui oleh responden kedua, keempat dan kelima melalui kenyataan yang diutarakan oleh responden :

*Bangunan ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong kerana ia dikelilingi oleh tembok batu yang bertujuan untuk mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk sekitar dan juga untuk keselamatan.*

(R1- KPKLD)

*Nama Kota Lama Duyong ini diambil disebabkan oleh bangunan ini dikelilingi tembok batu. Biasa orang panggil pagar la. Tembok batu disekeliling ini dikatakan untuk mengasingkan rumah penduduk dan untuk keselamatan bangunan ini.*

(R2- PM)

*Bangunan Kota Lama Duyong ini dikelilingi oleh tembok batu. Dan sebab itu nama ini diberikan kepada bangunan Kota Lama. Bangunan ini juga berhampiran dengan Pulau Duyong.*

(R4- PPNT)



*Istilah Kota ini untuk menunjukkan bangunan ini dikelilingi oleh tembok batu. Tujuannya adalah untuk keselamatan dan mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk. Apabila orang datang berkunjung jadinya dia boleh nampak perbezaan bangunan ini dengan rumah orang lain. Nama ini juga diambil atas sebab berhampiran dengan kawasan pulau. Kebiasaanya begitu la.*

(R5- PKLD)

Namun, responden ketiga berpendapat nama Kota Lama Duyong ini mungkin disebabkan oleh bangunan ini lama. Selain itu, faktor berhampiran dengan penempatan dia pulau tersebut. Berikut adalah pendapat responden ketiga :

*Pada pendapat saya, mengapa bangunan bersejarah ini dinamakan Kota Lama Duyong mungkin disebabkan oleh bangunan ini lama. Mungkin disebabkan penempatan yang berhampiran dengan kawasan pulau.*

(R3-PUMK)

Menurut responden pertama, kedua, keempat dan kelima, mereka menyatakan bahawa bangunan ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong ini kerana bangunan ini dikelilingi oleh tembok batu. Pembinaan tembok batu ini bertujuan untuk mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk sekitar dan juga untuk tujuan keselamatan. Namun begitu, responden ketiga berpendapat bahawa nama Kota Lama Duyong diambil mungkin disebabkan oleh bangunan ini lama dan berdekatan dengan kawasan Pulau Duyong.

#### **4.4 Penyesuaigunaan Semula Kota Lama Duyong**

Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji telah menemu bual responden berdasarkan ketujuh- tujuh pecahan sub tema iaitu usaha-usaha yang diambil oleh pihak berwajib untuk menyesuaikan semula Kota Lama Duyong, usaha



memulihara dan memelihara melibatkan kos yang tinggi, sejauhmana usaha tersebut dijalankan oleh pihak berwajib, kaedah penyesuaigunaan yang terbaik, pandangan terhadap kaedah suaiguna, sejauhmanakah penglibatan komuniti dan peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah. Hal ini dikatakan demikian, usaha tersebut telah diambil dan dicadangkan oleh Jabatan Warisan Malaysia. Bangunan ini mula dibaikpulih setelah dibiarkan begitu lama tanpa sebarang pemuliharaan. Kerja-kerja pembaikpulih bangunan ini dijalankan oleh Jabatan Warisan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu. Setelah pembaikpulih ini selesai bangunan ini dipertanggungjawabkan kepada pihak Muzium Negeri dan pihak muzium mengambil inisiatif untuk menyesuaiguna semula bangunan ini untuk dijadikan sebagai galeri. Ia bertujuan untuk menempatkan barang-barang dan juga koleksi yang berkaitan dengan Kota Lama Duyong seperti kapal, alatan memasak, sejarah mengenai Kota Lama Duyong dan sebagainya. Dalam galeri ini turut mempamerkan serta membuat promosi mengenai keunikan Kota Lama Duyong. Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah kaedah konservasi iaitu proses menggunakan kaedah saintifik dan sistematik. Terdapat 6 kaedah yang digunakan dalam kaedah ini iaitu pembaikan, penggantian, dokumentasi, rombakan, simpanan, dan elemen sementara. Kaedah rombakan ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu umum dan khusus. Ia digunakan untuk tujuan pemasangan bumbung, pembersihan, penelitian dan penyambungan. Manakala dokumentasi adalah kaedah yang digunakan untuk tujuan mendirikan bangsal yang berhampiran dengan bangunan Kota Lama Duyong. Kaedah rombakan pula untuk menyelamatkan elemen dari sebarang kerosakkan. Selain itu, elemen sementara merujuk kepada bahan sementara yang digunakan dalam pembaikpulih bangunan tersebut. Elemen ini

bertujuan untuk pengcahayaan dan pengudaraan masuk ke dalam bangunan itu. Seterusnya, responden bersetuju bahawa kaedah penyesuaiguna semula ini adalah kaedah terbaik untuk mengelakkan berlakunya ancaman kepupusan sesebuah bangunan. Beliau mengulas bahawa kaedah ini adalah melalui cara kita menjaga dari sudut pembaikpulih dan juga kebersihan. Di samping itu, tiada sebarang penglibatan komuniti dalam menyesuaikan Kota Lama ini pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesemua pihak muzium dan agensi yang berkaitan sahaja yang terlibat. Peranan komuniti sangat penting dalam mempromosikan bangunan iaitu dengan mengesyorkan kepada orang luar mengenai keunikan dan produk pelancongan yang terdapat di Negeri Terengganu. Berikut adalah ulasan responden pertama:

*Setelah lama terbiar lama, bangunan ini mula dibaikpulih pada tahun 1986 dan siap sepenuhnya pada tahun 1999. Bangunan ini dibaikpulih oleh Jabatan Warisan Malaysia dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu. Dan untuk memelihara dan memulihara bangunan ini dipertanggungjawabkan oleh Jabatan Warisan. Setelah dipulihara dan dipertanggungjawabkan kepada pihak Lembaga Muzium, keadaan dalam bangunan ini telah diguna suai semula dengan menjadikan sebagai galeri bagi menempatkan barang-barang koleksi yang berkaitan dengan bangunan Kota Lama Duyong seperti kapal, alatan memasak, sejarah mengenai Kota Lama Duyong dan sebagainya. Pada masa yang sama, ia juga mempamerkan dan membuat promosi tentang keunikan Kota Lama. Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah kaedah konservasi iaitu proses menggunakan kaedah saintifik dan sistematik. Terdapat enam kaedah yang digunakan dalam penyesuaigunaan semula iaitu pembaikan, penggantian, dokumentasi, rombakan, simpanan, dan elemen sementara. Kaedah pembaikan ini terbahagi kepada dua iaitu secara umum dan khusus. Kaedah ini digunakan untuk pemasangan bumbung, pembersihan, penelitian dan juga penyambungan ke atas bangunan Kota Lama ini. Kaedah dokumentasi pula adalah dengan mendirikan bangsal yang berhampiran dengan Kota Lama Duyong untuk kegunaan pengunjung yang datang. Selain itu, kaedah rombakan berfungsi untuk menyelamatkan elemen mengikut tertib supaya tidak mengalami sebarang kerosakan. Bagi elemen sementara pula, bahan yang digunakan pada bangunan tersebut bersifat sementara. Sebagai contohnya, dinding sementara atau pasak. Ia bertujuan untuk pencahayaan*

*dan pengudaraan. Pada pendapat saya, Ya. Kaedah penyesuaigunaan semula adalah kaedah terbaik bagi mengelakkan ancaman kepupusan sesebuah bangunan adalah melalui cara kita menjaga dari sudut membaikpulih dan juga kebersihan. Bila dikaitkan dengan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan ini, pada awalnya tiada sebarang penglibatan komuniti dalam usaha membaikpulih. Hal ini kerana, pada ketika itu, kesemua pihak muzium dan agensi berkenaan terlibat. Seterusnya, peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan ini adalah dengan berkongsi mengenai keunikan Kota Lama Duyong dan mengesyorkan kepada orang luar mengenai produk pelancongan yang ada di Terengganu.*

(R1-KPKLD)

Usaha yang lain turut dimainkan oleh pihak Lembaga Muzium itu sendiri dengan menjaga, membaikpulih sebarang kerosakkan yang berlaku supaya dapat digunakan untuk tujuan pelancongan. Kos yang digunakan dalam usaha memulihara dan memelihara bangunan ini sangat tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan kenaikan harga bahan mentah serta sukar untuk mendapatkan bahan binaan yang sama seperti asal. Pada masa yang sama, kerja-kerja membaikpulih ini memerlukan hasil kerja yang teliti bagi menjaga keaslian seni bina bangunan ini daripada kepupusan yang disebabkan oleh alam sekita, cuaca dan vandalism. Sama seperti responden pertama, responden kedua juga menyatakan tiada sebarang penglibatan komuniti dalam pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan hanya pihak Lembaga Muzium, Jabatan Warisan dan agensi yang berkaitan sahaja terlibat. Di samping itu, peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan ini adalah dengan menjadikan ia sebagai tempat pertama untuk dikunjungi, menguar-uarkan dalam media sosial seperti facebook, Instagram, twitter dan sebagainya, serta memperkenalkan bangunan bersejarah ini kepada orang luar mengenai keistimewaan dan keunikan yang ada untuk menarik lebih ramai pelancong. Berikut adalah ulasan responden kedua:

*Bangunan ini dijaga oleh pihak Lembaga Muzium sendiri. Asalnya ia adalah sebuah rumah yang dimiliki oleh Tok Syeikh Duyong atau dengan nama sebenar Dato Biji Sura. setelah berlakunya banjir besar pada tahun 1998. Bagi mengekalkan warisan yang ada di Terengganu, jadi kami pihak Lembaga Muzium Negeri mengambil inisiatif membaikpulih bangunan Kota Lama daripada mengalami kerosakkan yang lebih teruk. Kos yang digunakan dalam usaha memulihara dan memelihara bangunan sangat tinggi disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah dan pada masa yang sama, ia memerlukan hasil kerja yang teliti bagi menjaga keaslian seni bina bangunan ini. Usaha yang diambil oleh pihak berwajib adalah dengan menyesuaikan semula bangunan ini kepada muzium bagi menarik kedatangan pelancong yang datang. Pada pendapat saya, kaedah ini adalah kaedah terbaik kerana ia dapat menjaga keaslian bangunan warisan daripada mengalami kepupusan yang disebabkan oleh alam sekitar, cuaca dan vandalism. Ketika usaha membaikpulih dijalankan, hanya pihak Lembaga Muzium, Jabatan Warisan dan agensi yang terlibat. Peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah dengan menjadikan ia sebagai tempat pertama untuk dikunjungi. Yang kedua, menguar- uarkan dalam media sosial seperti facebook, Instagram, twitter dan sebagainya. Seterusnya, memperkenalkan bangunan bersejarah ini kepada orang luar mengenai keistimewaan dan keunikan yang ada supaya mereka lebih tertarik untuk mengunjunginya.*

(R2-PM)

Pada masa yang sama, agensi lain turut terlibat dan bekerjasama bagi membaiki kerosakkan pada bangunan tersebut bagi menarik kedatangan pelancong dari luar. Pihak yang terlibat dalam memulihara dan memelihara bangunan ini adalah seperti Lembaga Muzium Negeri dan Agensi peringkat negeri. Ia selaras dengan usaha untuk menjadikan bangunan ini untuk tarikan pelancong. Usaha memulihara dan memelihara ini melibatkan kos yang tinggi kerana bahan binaan yang berbeza dan memerlukan perbelanjaan yang besar serta kos upah pekerja-pekerja baru. Pada masa yang sama, usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan bangunan ini adalah dari sebuah kediaman kepada muzium. Kaedah penyesuaigunaan semula adalah kaedah yang terbaik iaitu dengan cara sesuaikan dan guna semula. Perubahan fungsi ini dapat memberi manfaat kepada bangunan warisan

supaya ia terus dipulihara. Kaedah ini tidak menjejaskan keaslian dan keintegritian sesebuah bangunan warisan. Pada masa yang sama, penglibatan komuniti setempat adalah mempromosikan warisan ketara, memberi maklumat sejarah dan latar belakang bangunan kepada orang ramai. Komuniti memainkan peranan dalam mempromosikan bangunan ini dengan memuatnaik gambar ke dalam laman sosial, mengadakan travelog lawatan ke tempat bersejarah dan menjalankan penyelidikan keatas bangunan bersejarah supaya dapat memberi maklumat baru kepada orang ramai. Berikut adalah pendapat responden ketiga:

*Ya. Pihak yang terlibat dengan dalam memulihara dan memelihara bangunan Kota Lama ini adalah seperti Lembaga Muzium Negeri dan Agensi Peringkat Negeri. Hal ini kerana, bangunan ini akan dijadikan sebagai pusat tarikan pelancong ke Terengganu. Usaha untuk memulihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi seperti untuk mendapatkan pekerja-pekerja baru, bahan binaan yang berbeza kerana bahan binaan memerlukan perbelanjaan yang besar. Usaha yang dijalankan oleh pihak adalah dengan menyesuaikan semula bangunan ini dari sebuah kediaman kepada sebuah muzium. Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah sesuaikan dan guna semula. Perubahan fungsi ini dapat memberi manfaat kepada bangunan warisan. Di samping itu, kaedah ini tidak menjejaskan keaslian dan integriti sesebuah bangunan. Penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan ini sangat penting bagi membantu mengekalkan keistimewaan bangunan bersejarah. Penglibatan komuniti membantu dalam mempromosikan warisan ketara, memberi maklumat mengenai sejarah dan latar sesebuah bangunan kepada orang ramai dan juga menghargai warisan yang ada supaya tidak lapuk ditelan arus pemodenan. Seterusnya, komuniti berperanan tinggi dalam mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan adalah dengan mengambil gambar untuk dimuatnaikkan di mana-mana laman sosial, mengadakan travelog lawatan ke tempat bersejarah dan juga menjadikan bangunan bersejarah sebagai penyelidikan supaya dapat membantu pengkaji baharu mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam.*

(R3- PUMK)

Responden keempat dan kelima turut bersetuju bahawa ada pihak yang bekerjasama dalam memulihara dan memelihara Kota Lama Duyong. Peranan yang dimainkan



oleh Badan Warisan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu, Syarikat Omar Endut Enterprise bercadang untuk membaikpulih bangunan Kota Lama ini supaya dapat mengekalkan kembali zaman kegemilangan sejarah bangunan ini. Usaha ini bermula setelah bangunan ini dibiarkan lama terbiar selepas berlakunya banjir besar. Kerjasama yang dilaksanakan untuk membeli dan mendapatkan bahan mentah sama bagi mengekalkan keaslian binaan tersebut. Masa yang diambil untuk mendapatkan resipi asal pembinaan bangunan ini adalah selama sebulan setengah. Kos pembinaan ini memakan jumlah yang sangat terutamanya kos bahan mentah dan upah pekerja. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan dana sebanyak satu pertiga daripada RM400,000 untuk membaikpulih bangunan Kota Lama ini. Sebelum usaha ini dijalankan, penyelidikan dijalankan oleh seorang pakar dari Amerika. Kaedah penyesuaiguna semula ini adalah kaedah terbaik dalam membantu menjaga bangunan warisan daripada sebarang kerosakkan serta mengubah fungsi sesebuah bangunan untuk memberi manfaat kepada warisan, pelancongan dan juga identiti tempat tersebut. Penglibatan komuniti setempat pula dari sudut menjaga kebersihan, tidak merosakkan koleksi di dalam bangunan dan tidak melakukan aktiviti yang memberi kesan negatif kepada Kota Lama Duyong seperti vandalism.

Berikut adalah ulasan responden keempat:

*Usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini dicadangkan oleh Badan Warisan Negeri Terengganu. Mereka melihat bangunan ini berpotensi untuk dijadikan tarikan pelancong. Kerjasama yang dijalankan dengan agensi lain dalam mendapatkan bahan mentah yang sama seperti dengan bahan binaan sebelumnya bagi mengekalkan keaslian binaan tersebut. Dikatakan mereka mengambil masa sebulan setengah untuk mendapatkan resepi asal bagi mendapatkan bahan menampal dinding. Usaha membaikpulih bangunan ini sangat rumit dan mengambil masa yang lama. Kos yang diperlukan sangat tinggi. Namun Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak satu pertiga daripada RM 400,000 supaya usaha*

*m dibaikpulih dapat dijalankan. Masa nak baiki bangunan ini, Jabatan Warisan juga mengambil seorang pakar dari Amerika untuk membuat penyelidikan dahulu. Selepas itu, baru aktiviti memulihara dan memelihara diteruskan. Jabatan Warisan Negeri yang mencadangkan untuk memulihara ini kepada pihak Lembaga Muzium dan Kerajaan Negeri supaya bahagian yang hampir musnah dapat dibaikpulih sebelum berlaku kerosakkan yang teruk. Banyak proses telah dibuat termasuklah mencari bahan mentah seperti kulit telur, kapur kulit kerang, pasir kasar, manisan (gula melaka) dan simen putih. Pada pendapat saya, kaedah penyesuaigunaan semula adalah kaedah terbaik kerana ia membantu dalam menjaga warisan seni bina ini daripada sebarang kerosakkan. Pada masa yang sama, kaedah ini mengubah fungsi sesebuah bangunan tersebut menjadi sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada warisan, pelancongan dan juga sebagai identiti tempat tersebut. Penglibatan komuniti setempat, saya lihat dari sudut mereka menjaga kebersihan, tidak merosakkan koleksi di dalam bangunan tersebut, dan tidak melakukan aktiviti yang boleh memberi kesan negatif kepada Kota Lama tersebut seperti menconteng dinding dan sebagainya.*

(R4- PPNT)

Di samping itu, menurut responden kelima kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah membaiki dan dibaikpulih kerosakkan pada bangunan tanpa mengubah identiti asal bangunan. Meskipun kaedah ini menelan belanja yang tinggi, namun ia memberi kesan yang kepada pelbagai pihak terutamanya bidang pelancongan. Penglibatan komuniti dalam kaedah ini adalah dengan menanam kesedaran dalam diri generasi muda dalam memupuk minat anak-anak sejak dari bangku sekolah. Selain itu, menjalankan program komuniti di bangunan bersejarah seperti aktiviti bergotong -royong. Hal ini dikatakan demikian kerana, komuniti adalah orang yang paling dekat untuk dirujuk. Pada masa yang sama, komuniti mestilah memberi kerjasama untuk memelihara dan memajukan bangunan bersejarah. Berikut ulasan responden kelima:

*Usaha dalam memulihara dan memelihara bangunan ini dipertanggungjawabkan kepada pihak Lembaga Muzium. Setelah bangunan ini siap dibaikpulih kemudian pihak Lembaga Muzium mengambil inisiatif dengan menjadikan ia sebagai galeri. Usaha yang diambil adalah dengan*

*menyesuikan semula menjadi sebuah galeri yang menempatkan pelbagai koleksi yang berkaitan dengan Kota Lama Duyong. Kaedah penyesuaian semula yang terbaik adalah sesuaikan dan guna semula bagi menjaga nilai warisan supaya keadaan asal dapat dikekalkan. Awalnya tiada sebarang penglibatan komuniti. Hanya pihak Lembaga Muzium sahaja. Kemudian kami mengesyorkan agar komuniti turut serta dalam usaha bagi menjaga bangunan ini supaya dapat dikekalkan sehingga ke generasi yang akan datang. Kaedah penyesuaian yang terbaik untuk memelihara ialah membaiki dan membaiki pulih kerosakan bangunan bersejarah tanpa mengubah identiti asal bangunan tersebut untuk memanjangkan hayat bangunan bersejarah. Kaedah ini mungkin menelan belanja yang banyak tetapi untuk jangka masa yang panjang ia akan memberi keuntungan kepada pelbagai pihak. Seperti yang kita tahu Kota Lama Duyong mempunyai struktur binaan yang unik, kaedah penyesuaian semula merupakan kaedah yang sesuai bagi mengekalkan jangka hayat bangunan tersebut tanpa mengubah bentuk dan rekaan asal. Adalah penting untuk komuniti menanam kesedaran dan memupuk minat anak-anak muda dari bangku sekolah untuk menghayati dan mengetahui sejarah bangunan bersejarah di Malaysia. Sebagai contoh pihak sekolah dan ibu bapa boleh membuat lawatan sambil belajar ke tempat sejarah untuk memupuk sifat cintakan sejarah Malaysia. Selain itu, komuniti perlu melaksanakan program setempat di bangunan bersejarah sebagai contoh mengadakan program komuniti contohnya bergotong royong di bangunan bersejarah. Komuniti merupakan orang paling dekat dengan bangunan bersejarah untuk dirujuk. Komuniti perlu memberikan kerjasama dan memberi idea untuk bersama-sama memelihara dan memajukan bangunan bersejarah.*

(R5- PKLD)

Berdasarkan ulasan kesemua responden, usaha dalam menyesuaikan semula Kota Lama Duyong ini telah dijalankan oleh Jabatan Warisan Malaysia. Setelah kerja-kerja membaikpulih ini selesai, pihak muzium Negeri Terengganu mengambil inisiatif dengan menjadikan bangunan Kota Lama ini sebagai muzium bagi mempamerkan koleksi yang berkaitan dengan bangunan ini. Selain itu, kesemua responden berpendapat bahawa kaedah penyesuaian semula ini adalah kaedah terbaik bagi mengelakkan berlakunya kerosakan yang teruk pada bangunan warisan. Kos yang diambil untuk membaikpulih bangunan ini memerlukan kos yang tinggi



terutamanya untuk mendapatkan barang mentah dan mengupah pekerja. Seterusnya, penglibatan komuniti dalam kaedah penyesuaiangunaan semula ini sangat penting dalam membantu mempromosikan warisan ketara ini kepada orang luar.


Gambar 4.3: Suasana Bangunan Kota Lama Duyong Sebelum Dibaikpulih



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Sumber: Berita Harian, 1998

Gambar 4.4: Keadaan Bangunan Kota Lama Duyong Sebelum Dibaikpulih



Sumber: Berita Harian, 1998

Gambar 4.5: Keadaan Bangunan Kota Lama Duyong Setelah Dibaikpulih



Sumber: Berita Harian, 1998

#### **4.5 Potensi dan sumbangan bangunan bersejarah kepada produk pelancongan warisan**

Tema ketiga ini adalah menganalisis 3 pecahan sub tema iaitu potensi Kota Lama Duyong sebagai produk pelancongan warisan, langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah dan faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan.

##### **4.5.1 Potensi Kota Lama Duyong Sebagai Produk Pelancongan Warisan, Langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah dan faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan**

Hasil daripada temu bual lima orang responden, pengkaji mendapati bahawa mereka mempunyai pendapat yang hampir sama dan mereka bersetuju bahawa Kota Lama Duyong

ini berpotensi sebagai produk pelancongan. Responden kedua turut menyokong kenyataan yang diberikan oleh responden pertama. Menurut responden pertama, Kota Lama Duyong sangat berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana ia merupakan ikon negeri Terengganu dan merupakan produk pelancongan yang terkenal. Di samping itu, langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah dengan menjalankan program Jelajah Malaysia, mempromosikan bangunan ini kepada rakan-rakan, saudara-mara dan juga orang luar. Selain itu, syarikat penerbitan berfungsi membantu mempromosikan bangunan bersejarah dengan menerbitkan dalam rancangan televisyen. Ejen pelancongan perlulah memasukkan aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan warisan dalam pakej lawatan negara. Kota Lama Duyong menjadi faktor dalam menyumbang kepada sektor pelancongan warisan dari segi keunikan pada bangunan Kota Lama dan latar belakang sejarah. Ia dapat dilihat melalui kenyataan yang diutarakan oleh responden pertama di bawah:

*Ya. Kota Lama Duyong ini sangat berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana ia adalah ikon pelancongan Negeri Terengganu. Ia adalah produk pelancongan yang terkenal di kawasan Pulau Duyong. Dimana apabila orang datang ke Pulau Duyong mereka juga akan melawat bangunan Kota Lama ini. Kota Lama Duyong berfungsi sebagai pusat penyelidikan pelajar dalam mencari bahan rujukan atau dijadikan sebagai kajian mereka. Langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah ini, pihak telah menjalankan program Jelajah Malaysia. Selain itu, mempromosikan kepada kawan-kawan, saudara-mara dan orang luar. Syarikat penggambaran turut memainkan peranan mereka untuk mempromosikan bangunan ini dengan menerbitkan dalam rancangan televisyen seperti "Jejak Rasul" baru-baru ini. Seterusnya, ejen pelancongan memasukkan aktiviti melawat bangunan bersejarah ini di dalam pakej lawatan negara. Di samping itu, mengadakan aktiviti berbasikal dan singgah di bangunan bersejarah. Faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan ialah apabila melihat kepada keunikan yang ada pada bangunan ini adalah sebuah rumah tradisional yang digabungkan dalam Kota Lama Duyong. Selain itu, faktor latar belakang sejarah, seni ukiran yang terdapat pada dinding Kota Lama ini. Pada masa yang sama, keunikan pada*



*bangunan ini juga pembinaannya menggunakan pasak iaitu bersambung-sambung terutamanya pada dinding dan tiang.*

(R1- KPKLD)

Kota Lama Duyong ini berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana bangunan ini menjadi ikon pelancongan negeri. Di samping itu, langkah untuk mempromosikan bangunan ini adalah mempamerkan iklan di signboard atau billboard untuk menarik orang ramai. Syarikat-syarikat produksi juga berperanan dalam menyiarkan dokumentari yang berkisarkan mengenai bangunan bersejarah. Ia secara tidak langsung dapat memperkenalkan tempat-tempat tersebut dan pada masa yang sama, ia juga menyiarkan mengenai keindahan tempat bersejarah serta sejarah di sebalik bangunan tersebut. Hal ini sekaligus dapat memberi maklumat kepada orang awam berkaitan bangunan bersejarah di Malaysia. Faktor yang menyumbang pelancongan warisan bagi Kota Lama Duyong ini adalah seni ukiran yang terdapat pada dinding bangunan ini. Selain itu, pembinaan yang unik menggunakan kaedah pasak iaitu bersambung-sambung tanpa menggunakan sebarang paku terutamanya pada dinding dan tiang. Berikut ulasan responden kedua:

*Ya. Kota Lama ini berpotensi sebagai produk pelancongan warisan kerana ia merupakan ikon pelancongan Negeri Terengganu. Langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah dengan mempamerkan iklan di signboard atau billboard untuk menarik minat orang ramai datang ke sini. Syarikat-syarikat produksi berperanan dalam menyiarkan dokumentari berkaitan bangunan bersejarah dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan kepada pelancong. Ia sekaligus dapat menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai bangunan bersejarah yang ada di*

*Terengganu. Kota Lama Duyong ini menyumbang kepada pelancongan warisan dalam dari sudut ukiran dan keunikan dalam pembinaannya. Keunikan pembinaannya yang menggunakan kaedah pasak pada dinding dan tiang.*

(R2-PM)

Kota Lama Duyong ini mempunyai permintaan yang tinggi dan juga nilai komersial terhadap bangunan menjadikan ia berpotensi sebagai produk pelancongan. Peranan media massa adalah salah satu langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah. Hal ini kerana, media massa mampu memberi pengaruh yang besar kepada dunia luar untuk menarik kedatangan pelancong ke tempat bersejarah. Peranan ibubapa sangat penting dengan mengajak anak-anak mereka berkunjung ke tempat bersejarah supaya mereka dapat mengetahui sejarah bangunan tersebut. Nilai estetika sejarah yang terdapat pada bangunan dan kedudukan bangunan berhampiran dengan pulau menjadi faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan. Berikut ulasan responden ketiga:

*Ya. Kota Lama Duyong ini berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan kerana pelancongan warisan ini mempunyai permintaan yang tinggi. Di samping itu, ada nilai komersial terhadap bangunan atau tapak warisan untuk dilawati. Langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah adalah peranan media massa. Peranan media massa ini mampu memberi pengaruh yang besar kepada dunia luar. Mereka boleh menarik pelancong luar secara untuk mengunjungi ke tempat bersejarah. Apabila ramai orang mengetahui kewujudan dan keberadaan bangunan bersejarah mereka pasti tidak akan melepaskan peluang untuk mengunjungi tempat tersebut. Di samping itu, peranan ibu bapa. Ibu bapa perlulah memainkan peranan mereka dengan mengajak anak-anak mereka mengunjungi tempat bersejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak-anak mereka dapat mengetahui mengenai bangunan tersebut dan pada masa yang sama, dapat menerapkan dalam diri mereka untuk menghargai warisan yang ada. Faktor yang menyumbang*

*kepada pelancongan warisan ini adalah nilai estetika sejarah yang terdapat pada bangunan ini. Selain itu, kedudukan bangunan ini ditengah-tengah penempatan penduduk kampung serta berhampiran dengan pulau menjadikan ia satu pusat pelancongan yang strategik.*

(R3- PUMK)

Potensi yang ada pada Kota Lama Duyong ini menjadikan sebagai produk pelancongan warisan bagi menjana ekonomi dalam bidang pelancongan Negeri Terengganu. Selain itu, potensi yang ada pada bangunan ini dapat menarik lebih ramai pelancong untuk melawat bangunan Kota Lama Duyong. Di samping itu, langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah dengan menggunakan media massa. Perkembangan teknologi ini membantu mempromosikan bangunan bersejarah supaya dapat menarik lebih ramai kedatangan pelancongan serta membantu meningkatkan ekonomi. Informasi yang disampaikan ini dapat memberi input penting kepada orang ramai terhadap pelancongan warisan. Seterusnya, kedudukan Kota Lama ini dan juga rekabentuk tradisional adalah faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan. Berikut adalah ulasan responden keempat:

*Ya. Sepertimana yang kita ketahui, bangunan warisan atau tapak warisan ini mempunyai nilai yang tersendiri akan menjadi tumpuan pelancong. Potensi yang ada sesebuah bangunan bersejarah ini menjadikan ia tarikan utama kedatangan pelancong. Dari keunikan seni bina, identiti, dan latar belakang bangunan tersebut. Kota Lama Duyong ini memang berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan yang mana dapat membantu menjana ekonomi pelancongan Negeri Terengganu. Pada masa yang sama, dapat menarik lebih ramai kedatangan pelancong untuk datang ke sini. Antara langkah yang boleh diambil ialah menggunakan media massa, seperti yang kita sedia maklum di zaman teknologi masa kini media massa memainkan peranan penting bagi mempromosikan bangunan bersejarah. Melalui media massa boleh mempromosikan bangunan bersejarah secara besar-besaran bagi menarik minat ramai pelancong luar dan dalam negeri. Pihak media massa perlulah membuat dokumentari menarik mengenai bangunan*



*bersejarah bagi menambah informasi dan menarik ramai pengunjung. Akhir sekali, kedudukan Kota Lama Duyong yang strategik dan seni bina dan reka bentuk tradisional yang menarik menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama ini.*

(R4- PPNT)

Responden kelima turut bersetuju bahawa Kota Lama Duyong berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana mempunyai keistimewaan dan keunikan pada bangunan tersebut. Dari segi seni bina dan pameran koleksi yang dipamerkan mampu mengambit kenangan zaman dahulu. Di samping itu, peranan komuniti dalam menguar-uarkan mengenai bangunan bersejarah ini adalah langkah untuk mempromosikannya kepada pelancong. Pada masa yang sama, kepentingan bangunan bersejarah ini perlulah dititikberatkan kepada generasi muda supaya mereka menghargai nilai warisan yang ada. Memuatnaik gambar bangunan bersejarah seperti Kota Lama ini di laman sosial dapat membantu orang luar mengetahui keberadaan bangunan ini dan mempromosikan untuk menarik pelancong. Faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan Kota Lama ini adalah dari segi sejarah, seni bina dan ukiran. Berikut adalah ulasan responden kelima:

*Pada pendapat saya sebagai penjaga Kota Lama ini, Ya. Kota Lama ini berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan warisan. Kita sendiri pun melihat keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan ini. Saya yakin ia boleh menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang kesini. Tarikan yang ada pada Kota Lama ini mampu mengambit kenangan terhadap rumah-rumah tradisional pada zaman dahulu. Koleksi yang terdapat dalam bangunan ini dapat memberi input penting kepada pelancong yang datang. Mereka dapat mengetahui sejarah dan latar bangunan ini, seni bina dan juga ukiran yang terdapat pada bangunan ini. Mengenai langkah untuk mempromosikan bangunan ini, bagi saya peranan komuniti sangat penting kerana mereka perlulah menguar-uarkan mengenai bangunan bersejarah yang ada di kawasan mereka. Mereka juga perlu menitikberatkan*


*kepentingan bangunan bersejarah ini kepada generasi muda. Memuatnaik di laman sosial supaya orang luar dapat mengetahui keberadaan Kota Lama ini. Saya mendapati orang Terengganu sendiri tidak mengetahui akan keberadaan Kota Lama ini apatah mengenai sejarahnya. Kota Lama Duyong ini mempunyai identitinya yang tersendiri yang menyumbang kepada produk pelancongan iaitu dari segi sejarah, seni bina, dan ukiran.*

(R5- PKLD)

Berdasarkan hasil temu bual kesemua responden, Kota Lama Duyong ini berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana ia merupakan ikon Negeri Terengganu. Di samping itu, bangunan ini mempunyai nilai komersial untuk dilawati. Langkah untuk mempromosikan bangunan warisan ini adalah dengan mempamerkan iklan, mengajak orang ramai untuk mengunjung tempat bersejarah, mempromosikan melalui media massa seperti facebook, Instagram, twitter dan sebagainya. Komuniti perlulah memainkan peranan penting dengan menguar-uarkan mengenai bangunan warisan ini kepada orang luar. Selain itu, keunikan yang ada pada bangunan ini adalah sebuah rumah tradisional yang digabungkan dalam Kota Lama Duyong menjadi faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan. Pada masa yang sama, nilai sejarah dan estetika, kedudukan Kota Lama Duyong yang strategik turut menjadi penyumbang kepada pelancongan warisan.

#### **4.6 Analisis Pendekatan Tapak dan Monumen Bonink (1992)**

Pendekatan tapak dan monumen dijelaskan oleh Bonink (1992) terhadap pelancongan budaya. Bonink (1992) mentakrifkan pelancongan budaya berdasarkan dua teori iaitu: komponen konseptual pelancongan budaya dan elemen teknikal pelancongan budaya.



Rajah 4.1: Teori Pelancongan Budaya

Pendekatan tapak dan monumen ini dijelaskan terhadap pelancongan budaya ini dapat dikaitkan dengan suai guna semula bangunan bersejarah: kajian keatas Kota Lama Duyong, Terengganu. Pelancongan budaya ini terbahagi kepada dua iaitu tafsiran teknikal dan tafsiran konsep. Tafsiran teknikal mentakrifkan pelancongan budaya sebagai perpindahan pelancong ke tempat budaya dan monumen yang menarik. Manakala tafsiran konsep mendefinisikan pelancongan budaya sebagai perpindahan pelancong ke destinasi untuk mendapatkan pengalaman dan maklumat baharu untuk memenuhi kehendak dan keperluan budaya mereka.

Dari sudut tafsiran teknikal ini merujuk kepada kedatangan pelancong ke Kota Lama Duyong untuk melihat tempat dan keunikan yang ada pada bangunan ini. Tujuan mereka adalah untuk melancong semata-mata dengan melihat warisan ketara yang menarik. Keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan Kota Lama ini mampu menarik lebih ramai kedatangan pelancong. Tambahan pula, Kota Lama Duyong ini merupakan ikon pelancongan Negeri Terengganu. Pihak pelancongan mestilah memainkan peranan mereka dengan mempromosikan bangunan warisan ini kepada pelancong bagi menarik kedatangan mereka. Hal ini kerana, tapak warisan atau monumen bersejarah yang menarik dapat mewujudkan lebih ramai pelancong.


Manakala tafsiran konsep pula merujuk kepada individu yang melancong ke Kota Lama Duyong ini untuk mendapatkan pengalaman dan maklumat sambil melancong. Tujuannya adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak budaya. Kota Lama ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat pelancongan menarik malahan ia boleh menjadi sebagai pusat penyelidikan kepada pakar penyelidik, pelajar dan sebagainya. Hal ini kerana, latar belakang sejarah yang menarik serta menjadi rujukan pengkaji berkaitan warisan budaya ketara. Justeru itu, pihak pengurusan Kota Lama ini mestilah mempamerkan maklumat yang berkaitan sejarah Kota Lama ini supaya dapat menjadi rujukan kepada pelancong. Berikut adalah kerangka teori:

**SUAIGUNA SEMULA BANGUNAN BERSEJARAH:  
KAJIAN KEATAS KOTA LAMA DUYONG SEBAGAI  
MUZIUM**

**Analisis:** Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992)

Pendekatan suaiguna semula ini mempengaruhi potensi dan sumbangan bangunan bersejarah sebagai pelancongan warisan

Pelancongan budaya tidak merangkumi penggunaan produk budaya pada masa lalu, tetapi zaman budaya atau kehidupan seseorang atau wilayah. Pelancongan budaya ini dilihat sebagai gabungan kedua-keduanya. Ia mempunyai ruang lingkup yang lebih luas daripada definisi tapak dan monumen. Antara tempat atau kawasan yang disenaraikan oleh (ECTAR)(1989) ialah tapak arkeologi dan muzium, senibina seperti runtuhan, bangunan terkenal atau seluruh bandar, kesenian seperti ukiran, kraf galeri, perayaan dan peristiwa.



Hasil temu bual yang dijalankan keatas:

- i. Ketua penyelia Kota Lama Duyong
- ii. Seorang wakil pihak muzium Negeri Terengganu
- iii. Seorang wakil Pusat Pelancongan Terengganu
- iv. Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan
- v. Penjaga Kota Lama Duyong

**Menerima** suaiguna semula Kota Lama Duyong sebagai muzium

#### Rajah 4.2: Kerangka Teoritikai Suaiguna Semula Kota Lama Duyong Sebagai Muzium

Kesimpulanya, suaiguna semula bangunan bersejarah ini dapat mempengaruhi potensi dan sumbangan terhadap bangunan bersejarah sebagai pelancongan warisan berdasarkan Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992). Hasil kajian mendapati bahawa sesebuah bangunan bersejarah yang telah disuaiguna semula ini boleh menarik kedatangan pelancong samada dari dalam atau luar negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kaedah suaiguna semula ini ia dapat melindungi dan menjaga sesebuah bangunan bersejarah daripada sebarang kerosakkan. Justeru itu, pihak berwajib haruslah memainkan peranan mereka bagi memastikan kelestarian sesebuah bangunan bersejarah.

#### 4.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, seramai 5 orang responden telah dipilih untuk ditemubual berkaitan kajian yang dijalankan guna semula bangunan bersejarah: kajian keatas Kota Lama Duyong, Terengganu. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji mendapati hanya empat orang responden hanya mengetahui mengenai sejarah pembinaan Kota Lama Duyong.

Kesemua responden memandang baik terhadap usaha yang diambil bagi menyesuaikan semula bangunan bersejarah ini kerana bangunan Kota Lama ini mempunyai nilai estetika yang tersendiri dan dapat menjaga tinggalan sejarah ini supaya tidak mengalami kerosakkan yang disebabkan oleh arus pemodenan.

Seterusnya, Kota Lama Duyong ini berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana adanya nilai komersial untuk dilawati. Pada

masa yang sama, ia merupakan ikon pelancongan Negeri Terengganu. Dari segi keunikan seni bina, identiti dan latar belakang menjadikan bangunan atau tapak warisan itu menjadi tumpuan pelancong. Justeru itu, pelbagai langkah yang telah diambil bagi mempromosikan bangunan bersejarah ini supaya dapat menarik lebih ramai pelancong datang melawat di samping itu, kedudukan bangunan Kota Lama yang strategik iaitu berada di kawasan yang berhampiran dengan Pulau Duyong serta berada di tengah-tengah kawasan perkampungan menyumbang kepada pelancongan warisan.



## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN PENUTUP**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab adalah rumusan secara keseluruhan bab mengenai kajian yang dijalankan iaitu Suaiguna semula bangunan bersejarah: Kajian keatas Kota Lama Duyong, Terengganu.

#### **5.2 RUMUSAN KAJIAN**

Kajian ini terbahagi kepada 5 bab sepertimana yang telah dibincangkan pada awal penulisan yang merangkumi pengenalan, sorotan kajian lepas dan metodologi kajian. Seterusnya, dapatan kajian adalah dengan menganalisis data yang diperoleh dan menjadi hasil akhir menggunakan kaedah yang telah dipilih. Ringkasan dalam bab ini membincangkan mengenai rumusan dan penutup.

Bab 1 membincangkan mengenai pengenalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, kepentingan kajian, metodologi kajian, definisi operasional dan penutup. Bangunan bersejarah ini merupakan lambang dan identiti sesuatu tempat yang perlu dijaga bagi mengekalkan kelestariannya. Oleh itu, kaedah suaiguna semula ini sangat penting terhadap bangunan bersejarah supaya dapat mengekalkan kelangsungan seni binanya daripada sebarang kerosakkan atau kepupusan. Pada masa yang sama, kajian ini secara tidak langsung menjaga warisan budaya ketara daripada mengalami sebarang kepupusan yang mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor.

Di samping itu, bab 2 menjelaskan mengenai sorotan kajian dan kerangka teori. Sorotan kajian ini diketengahkan dan disokong oleh para pengkaji dengan merujuk jurnal, dan artikel yang berkaitan dengan kajian. Sebanyak 19 sorotan kajian diambil berdasarkan kajian lepas pengkaji terdahulu iaitu suaiguna semula, bangunan bersejarah dan muzium. Kajian lepas ini membantu pengkaji merujuk maklumat untuk dijadikan sebagai panduan bagi menjalankan kajian ini dengan baik. Namun begitu, pengkaji mendapati ada kekurangan dalam kajian dimana kajian lepas tersebut hanya merujuk kepada kaedah penyesuaigunaan semula dan bangunan bersejarah yang lain bahkan tiada kajian lepas yang merujuk kepada suaiguna semula Kota Lama Duyong. Selain itu, bagi menentukan gerak kerja kajian ini, pengkaji turut menggunakan Pendekatan Tapak dan Monumen (Bonink, 1992). Pendekatan ini digunakan bagi melihat sejauhmana Kota Lama Duyong ini berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan.

Dalam bab 3 pula, metodologi kajian dan kaedah analisis dibincangkan lebih terperinci. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengumpul data daripada responden. Kaedah ini dijalankan dengan menemu bual 5 orang responden yang dijalankan secara dalam talian menggunakan platform “*google meet dan whatsapp*”. Responden tersebut terdiri daripada ketua penyelia Kota Lama Duyong, seorang pegawai muzium Negeri Terengganu, seorang pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, seorang pegawai pusat pelancongan Negeri Terengganu dan seorang penjaga Kota Lama Duyong. Di samping itu, pengkaji turut menggunakan kaedah sekunder iaitu kaedah kepustakaan dengan merujuk buku, koleksi keratan akhbar dan artikel yang berkaitan dengan Kota Lama Duyong.

Selain itu, bab 4 membincangkan analisis dapatan kajian yang diperolehi daripada temu bual responden berdasarkan 12 soalan yang dikemukakan. Kaedah tematik digunakan dalam proses pengumpulan data dimana data-data tersebut dikumpul dan ditulis dalam bentuk transkrip. Daripada analisis yang dijalankan, pengkaji mendapati kesemua 5 responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai Kota Lama Duyong. Responden ini dipilih berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang kukuh terhadap Kota Lama Duyong. Selain itu, kepakaran yang dimiliki oleh kesemua responden menjadikan mereka dipilih bagi menemubual mengenai kajian ini.

Seterusnya, bab 5 membincangkan mengenai rumusan dan juga penutup bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Kesimpulannya, Kota Lama Duyong ini merupakan identiti Negeri Terengganu dan merupakan ikon pelancongan negeri ini. Kaedah suaiguna semula yang dijalankan keatas Kota Lama ini telah membuka mata masyarakat dalam menghargai nilai warisan yang masih ada.

### **5.3 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, bangunan bersejarah merupakan warisan ketara yang mestilah dijaga dan dipelihara dengan sebaiknya. Bangunan bersejarah ini penuh dengan nilai sejarah yang tinggi nilai estetikanya haruslah dikekalkan daripada berlakunya kerosakkan dan juga kepupusan. Namun begitu, perubahan zaman kearah modenisasi ini memperlihatkan kesan yang negatif terhadap bangunan bersejarah. Perubahan ini menyebabkan banyak bangunan bersejarah ini dibiarkan terabai tanpa sebarang pengurusan yang teliti.

Di samping itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan Pendekatan Tapak dan Monumen bagi melihat sejauhmana bangunan bersejarah ini berpotensi dijadikan sebagai pelancongan warisan. Hal ini kerana sesebuah bangunan bersejarah ini mampu menarik kedatangan pelancong. Melalui Pendekatan Tapak dan Monumen ini ia dapat menjelaskan pelancongan budaya terhadap bangunan bersejarah seperti Kota Lama Duyong ini. Pelancongan budaya ini memberi kesan positif terhadap sesebuah bangunan bersejarah yang mana tindakbalasnya mampu menarik pelancong untuk melihat keunikan seni bina bangunan tersebut.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan bangunan bersejarah terutamanya generasi muda merupakan aset penting bagi membantu kerajaan dalam memulihara bangunan bersejarah. Justeru itu, kajian ini penting kepada masyarakat supaya mereka lebih menghargai warisan yang masih kekal sebagai langkah dalam memulihara bangunan bersejarah.

Oleh itu, bangunan Kota Lama Duyong sangat penting untuk dipulihara kerana ia merupakan sumber yang efektif dalam penceritaan sejarah terdahulu untuk disampaikan kepada generasi akan datang. Melalui kaedah suaiguna semula ini ia dapat membantu dalam mengekalkan keaslian seni binanya serta melindungi bangunan bersejarah ini daripada tekanan modenisasi. Penglibatan komuniti setempat dalam kaedah ini sangat penting dalam memastikan usaha menyesuaikan semula bangunan Kota Lama ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Pihak berwajib turut berperanan mereka dalam usaha melindungi bangunan bersejarah ini supaya tidak hilang ditelan arus pemodenan.

Rumusannya, kajian ini dapat memberi kesan positif kepada masyarakat mengenai kepentingan memulihara bangunan bersejarah ini dan melindunginya daripada kepupusan

supaya ia dapat menjadi sumber sejarah kepada generasi akan datang. Pada masa yang sama, kajian ini memberi manfaat kepada generasi sekarang terhadap kesedaran dalam menjaga nilai warisan ini supaya terus kekal dan tidak diabaikan tanpa sebarang pemuliharaan.



## BIBLIOGRAFI

- Bakar, B. (2015, July 19). Pulau Duyong gamit kehadiran pelawat luar negara. Retrieved from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/68816/pulau-duyong-gamit-kehadiran-pelawat-luar-negara>
- Bakar, B. B. dan A. A. (2018, January 1). Periksa semua struktur kemudahan awam: MB Terengganu. Retrieved from Berita Harian website: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/01/369455/periksa-semua-struktur-kemudahan-awam-mb-terengganu>
- Bangunan Warisan, P., Aspek, D., Di, S., & Town, G. (2019). Retrieved from <http://eprints.usm.my/48361/1/Pemuliharaan%20Bangunan%20Warisan%20Dari%20Aspek%20Sejarah%20di%20George%20Town%2C%20Pulau%20Pinang.pdf%20cut.pdf>
- Daeng Jamal, D. H., & Ramli, Z. (2021). Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan: Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-35>
- Hayin, N. 'Asyikin M. (2018, December 12). Muzium tertua negara. Retrieved February 25, 2022, from Harian Metro website: <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2018/12/402808/muzium-tertua-negara>
- Ignacy, R. (n.d.). Bab 3 : Metodologi Kajian. *Www.academia.edu*. Retrieved from [https://www.academia.edu/22866722/Bab\\_3\\_Metodologi\\_Kajian](https://www.academia.edu/22866722/Bab_3_Metodologi_Kajian)

- Iskandar, O. P. W. (2019, April 3). Muzium pupuk rasa cinta kepada negara. Retrieved from  
BH Online website:  
<https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2019/04/548541/muzium-pupuk-rasa-cinta-kepada-negara>
- Jaffar, A. (2016, January 3). Manfaat nilai estetika, keunikan bangunan lama. Retrieved from  
Berita Harian website:  
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/01/110573/manfaat-nilai-estetika-keunikan-bangunan-lama>
- Prof. Mdy. Dr. Zainal Abidin Akasah. (2015). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Retrieved from Academia.edu website:  
[https://www.academia.edu/2854839/Masalah\\_dalam\\_pemuliharaan\\_bangunan\\_warisan\\_di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/2854839/Masalah_dalam_pemuliharaan_bangunan_warisan_di_Malaysia)
- Mat Nasir, Z. (2014). Aspek pemuliharaan dan penyesuaigunaan semula Istana Ampang Tinggi Negeri Sembilan / Zuraidah Mat Nasir. Retrieved February 25, 2022, from ir.uitm.edu.my website: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/15081/>
- “Muzium main peranan aktif dalam pembangunan budaya” | Daily Express Online - Sabah’s Leading News Portal. (2019, July 16). Retrieved from [www.dailyexpress.com.my](http://www.dailyexpress.com.my) website: <https://www.dailyexpress.com.my/news/137905/muzium-main-peranan-aktif-dalam-pembangunan-budaya/>
- Nik Hanapi, N. S. A., & Tugang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228–235. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i7.881>



Yumpu.com. (n.d.). 61 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DALAM KAJIAN ...

Retrieved February 9, 2022, from yumpu.com website:

<https://www.yumpu.com/id/document/read/31278029/61-kesahan-dan-kebolehpercayaan-dalam-kajian->

Zakinan, N. F. (2017, October 30). Bangunan usang jejas imej Melaka. Retrieved from Berita

Harian website:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/344355/bangunan-usang-jejas-imej-melaka>

ZAINAL, Z. (2021, February 2). Perlu proaktif pulihara bangunan bersejarah. Retrieved

February 25, 2022, from Sinarharian website:

<https://www.sinarharian.com.my/article/121907/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Perlu-proaktif-pulihara-bangunan-bersejarah>

UNIVERSITY

## LAMPIRAN

### INFORMAN 1

Tarikh Interview: : 19 Oktober 2021  
Durasi Interview: : 25.00 Minit  
Lokasi : Google Meet

Nama	Puan Munirah Binti Ahmad Faizul
Umur	35 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Ketua Penyelia Kota Lama Duyong

INTERVIEW TRANSKRIP	
<b>A</b>	Sejauhmanakah Puan mengetahui sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Kota Lama ini diasaskan oleh Dato Biji Sura atau nama sebenar beliau Nik Mohd Bin Hitam. Kota Lama ini dibina pada tahun 1919 oleh beberapa orang tukang dari Thailand, Indonesia dan Singapura.
<b>A</b>	Mengapakah kota ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Bangunan ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong kerana bangunan ini dikelilingi oleh tembok batu yang bertujuan untuk mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk sekitar dan juga untuk tujuan keselamatan.
<b>A</b>	Adakah terdapat usaha-usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini? Siapakah yang terlibat? Bilakah ia bermula?
<b>B</b>	Ya. Bangunan ini mula dibaikpulih setelah lama terbiar. Ia mula dibaikpulih pada tahun 1986 dan siap sepenuhnya pada tahun 1999. Bangunan ini dibaikpulih oleh Jabatan warisan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu.
<b>A</b>	Adakah usaha memulihara dan memelihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi ?
<b>B</b>	Ya. Usaha dalam memulihara dan memelihara bangunan Kota Lama ini melibatkan kos yang tinggi di mana dari sudut mendapatkan bahan mentah yang berkualiti tinggi. Hal ini kerana, bahan mentah yang sama seperti asal sukar untuk diperolehi.
<b>A</b>	Sejauhmanakah usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula Kota Lama ini ?
<b>B</b>	Usaha membaikpulih ini dipertanggungjawabkan oleh Jabatan Warisan Negara. Setelah bangunan ini siap dipulihara, bangunan ini diserahkan dan dipertanggungjawabkan kepada pihak Lembaga Muzium Negeri Terengganu. Keadaan bangunan yang telah diguna semula dengan menjadikan ia sebagai sebuah galeri yang menempatkan koleksi-koleksi yang berkaitan dengan bangunan Kota Lama Duyong seperti kapal, alatan memasak, sejarah mengenai Kota Lama Duyong dan sebagainya. Selain itu, bangunan ini mempamerkan dan mempromosikan mengenai keistimewaan dan keunikan Kota Lama Duyong.

<b>A</b>	Boleh Puan huraikan mengenai kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik dalam memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah konservasi iaitu proses menggunakan kaedah saintifik dan sistematik. Jadi, terdapat enam kaedah yang digunakan dalam menyesuaikan semula bangunan iaitu pembaikan, penggantian, dokumentasi, rombakan, simpanan dan elemen sementara. Kaedah pembaikan terbahagi kepada dua iaitu secara umum dan khusus. Kaedah ini digunakan dalam pemasangan bumbung, pembersihan, penelitian dan juga penyambungan keatas bangunan Kota Lama ini. Kaedah dokumentasi pula adalah dengan mendirikan bangsal yang berhampiran dengan Kota Lama Duyong sebagai kemudahan untuk kegunaan pengunjung yang datang. Di samping itu, kaedah rombakan pula berfungsi untuk menyelamatkan elemen mengikut tertib supaya tiada sebarang kerosakan. Bagi elemen sementara merangkumi bahan yang digunakan pada bangunan tersebut adalah bersifat sementara. Sebagai contohnya, dinding sementara atau pasak. Ia bertujuan untuk pencahayaan dan pengudaraan.
<b>A</b>	Pada pendapat Puan, adakah kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik bagi melindungi bangunan bersejarah dari ancaman kepupusan termasuk Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Pada pendapat saya, Ya. Kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik bagi mengelakkan ancaman kepupusan sesebuah bangunan adalah melalui cara kita menjaga dari sudut membaikpulih dan juga kebersihan.
<b>A</b>	Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Apabila dikaitkan dengan penglibatan komuniti dalam pemuliharaan ini, pada awalnya tiada sebarang penglibatan komuniti dalam usaha membaikpulih. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada ketika itu hanya pihak muzium dan agensi yang berkaitan sahaja yang terlibat.
<b>A</b>	Apakah peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah sebagai produk pelancongan warisan?
<b>B</b>	Peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan ini adalah dengan berkongsi mengenai keunikan Kota Lama Duyong dan mengesyorkan kepada orang luar mengenai produk pelancongan warisan yang ada di Terengganu.
<b>A</b>	Adakah Kota Lama Duyong berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan ?
<b>B</b>	Ya. Kota Lama Duyong ini sangat berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan kerana ia merupakan ikon pelancongan Negeri Terengganu. Di samping itu, bangunan Kota Lama ini merupakan produk pelancongan yang terkenal di Pulau Duyong. Pelancong tidak akan ketinggalan dengan mengunjungi Kota Lama Duyong apabila mereka ke Pulau Duyong. Di samping itu, Kota Lama Duyong ini berfungsi sebagai pusat penyelidikan pelajar dalam mencari bahan rujukan atau dijadikan sebagai kajian mereka.
<b>A</b>	Apakah langkah yang diambil bagi mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan kepada pelancong ?
<b>B</b>	Antara langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah mengadakan program ‘ <i>Jelajah Malaysia</i> ’. Selain itu, mempromosikan kepada kawan-kawan, saudara-mara dan orang luar. Syarikat penggambaran turut memainkan peranan

	mereka untuk mempromosikan bangunan ini dengan menerbitkan dalam rancangan televisyen seperti “Jejak Rasul” baru-baru ini. Seterusnya, ejen pelancongan memasukkan aktiviti melawat bangunan bersejarah ini di dalam pakej lawatan negara. Di samping itu, mengadakan aktiviti berbasikal dan singgah di bangunan bersejarah.
<b>A</b>	Apakah faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama Duyong tersebut
<b>B</b>	Faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan ialah apabila melihat kepada keunikan yang ada pada bangunan ini adalah sebuah rumah tradisional yang digabungkan dalam Kota Lama Duyong. Faktor latar belakang sejarah, seni ukiran yang terdapat pada dinding Kota Lama ini. Pada masa yang sama, keunikan pada bangunan ini juga pembinaannya menggunakan pasak iaitu bersambung-sambung terutamanya pada dinding dan tiang.

## INFORMAN 2

Tarikh Interview: : 23 Oktober 2021  
 Durasi Interview: : 15.00 Minit  
 Lokasi : Google Meet

Nama	Puan Hidayah Binti Daud
Umur	40 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pegawai Muzium Negeri Terengganu

INTERVIEW TRANSKRIP	
<b>A</b>	Sejauhmanakah Puan mengetahui sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Kota Lama Duyong ini dibina pada tahun 1919 dan siap sepenuhnya pada tahun 1920. Bangunan Kota Lama ini dibina oleh beberapa orang tukang dari Thailand, Indonesia dan juga Singapura.
<b>A</b>	Mengapakah kota ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Nama Kota Lama Duyong diambil disebabkan oleh bangunan ini dikelilingi oleh tembok batu yang bertujuan untuk mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk sekitar dan juga untuk keselamatan.
<b>A</b>	Adakah terdapat usaha-usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini? Siapakah yang terlibat? Bilakah ia bermula?
<b>B</b>	Bangunan ini dijaga oleh Pihak Lembaga Muzium sendiri. Asalnya ia adalah sebuah rumah yang dimiliki oleh Tok Syeikh Duyong atau dengan nama sebenar Dato Biji Sura. Setelah berlakunya banjir besar pada tahun 1998, jadi kami Pihak Lembaga

	Muzium mengambil inisiatif dengan membaikpulih bangunan Kota Lama ini daripada mengalami kerosakkan yang lebih teruk.
<b>A</b>	Adakah usaha memulihara dan memelihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi ?
<b>B</b>	Kos yang digunakan dalam usaha memulihara dan memelihara bangunan sangat tinggi disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah dan pada amsa yang sama, ia memerlukan hasil kerja yang teliti bagi menjaga keaslian seni bina bangunan ini.
<b>A</b>	Sejauhmanakah usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula Kota Lama ini ?
<b>B</b>	Usaha yang diambil oleh pihak berwajib adalah dengan menyesuaikan semula bangunan ini kepada muzium bagi menarik kedatangan pelancong yang datang.
<b>A</b>	Boleh Puan huraikan mengenai kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik dalam memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah kaedah konservasi. Ia dimana kaedah dijalankan secara sistematik dan saintifik. Kaedah ini terbahagi kepada enam iaitu pembaikan, penggantian, dokumentasi, rombakan, simpanan dan elemen sementara.
<b>A</b>	Pada pendapat Puan, adakah kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik bagi melindungi bangunan bersejarah dari ancaman kepupusan termasuk Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Ya. Kaedah ini membantu dalam menjaga keaslian bangunan bersejarah daripada mengalami kepupusan yang disebabkan oleh alam sekitar, cuaca dan vandalism.
<b>A</b>	Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Ketika usaha membaikpulih dijalankan, hanya pihak Lembaga Muzium, Jabatan Warisan dan agensi yang terlibat.
<b>A</b>	Apakah peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah sebagai produk pelancongan warisan?
<b>B</b>	Peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah dengan menjadikan ia sebagai tempat pertama untuk dikunjungi. Yang kedua, menguar-uarkan dalam media sosial seperti facebook, Instagram, twitter dan sebagainya. Seterusnya, memperkenalkan bangunan bersejarah ini kepada orang luar mengenai keistimewaan dan keunikan yang ada supaya mereka lebih tertarik untuk mengunjunginya.
<b>A</b>	Adakah Kota Lama Duyong berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan ?
<b>B</b>	Ya. Kota Lama ini berpotensi sebagai produk pelancongan warisan kerana ia merupakan ikon pelancongan Negeri Terengganu.
<b>A</b>	Apakah langkah yang diambil bagi mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan kepada pelancong ?
<b>B</b>	Langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah ini adalah dengan mempamerkan iklan di signboard atau billboard untuk menarik minat orang ramai datang ke sini. Syarikat-syarikat produksi berperanan dalam menyiarkan dokumentari berkaitan bangunan bersejarah dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan kepada pelancong. Ia sekaligus dapat menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai bangunan bersejarah yang ada di Terengganu.

<b>A</b>	Apakah faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama Duyong tersebut
<b>B</b>	Kota Lama Duyong ini menyumbang kepada pelancongan warisan dalam dari sudut ukiran dan keunikan dalam pembinaannya. Keunikan pembinaannya yang menggunakan kaedah pasak pada dinding dan tiang.

### INFORMAN 3

Tarikh Interview: : 1 November 2021  
 Durasi Interview: : 30.02 Minit  
 Lokasi : Google Meet

Nama	Encik Shharuddin Bin Che Som
Umur	52 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan

<b>INTERVIEW TRANSKRIP</b>	
<b>A</b>	Sejauhmanakah Tuan mengetahui sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Sebenarnya saya tidaklah mengetahui secara mendalam. Cuma hanya pengetahuan asas saya Sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ini bermula dengan kedatangan seorang guru agama dari Pattani yang bermastautin di Pulau Duyong. Beliau mengajar ilmu agama kepada penduduk Pulau Duyong malahan melampaui penduduk negeri Terengganu. Bangunan ini dibina pada tahun 1919 oleh beberapa orang tukang yang diupah daripada Thailand, Singapura dan Indonesia. Pembinaan bangunan Kota Lama ini siap sepenuhnya pada tahun 1920.
<b>A</b>	Mengapakah kota ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Pada pendapat saya, mengapa bangunan bersejarah ini dinamakan Kota Lama Duyong mungkin disebabkan oleh bangunan ini lama. Mungkin disebabkan penempatan yang berhampiran dengan kawasan pulau.
<b>A</b>	Adakah terdapat usaha-usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini? Siapakah yang terlibat? Bilakah ia bermula?
<b>B</b>	Ya. Pihak yang terlibat dengan dalam memulihara dan memelihara bangunan Kota Lama ini adalah seperti Lembaga Muzium Negeri dan Agensi Peringkat Negeri. Hal ini kerana, bangunan ini akan dijadikan sebagai pusat tarikan pelancong ke Terengganu.
<b>A</b>	Adakah usaha memulihara dan memelihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi ?



<b>B</b>	Ya. Usaha untuk memulihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi seperti untuk mendapatkan pekerja- pekerja baru, bahan binaan yang berbeza kerana bahan binaan memerlukan perbelanjaan yang besar.
<b>A</b>	Sejauhmanakah usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula Kota Lama ini ?
<b>B</b>	Usaha yang dijalankan oleh pihak adalah dengan menyesuaikan semula bangunan ini dari sebuah kediaman kepada sebuah muzium. Mereka juga bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara dan agensi yang berkaitan.
<b>A</b>	Boleh Tuan huraikan mengenai kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik dalam memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Kaedah penyesuaigunaan semula adalah kaedah dimana kita sesuaikan bangunan tersebut dengan fungsi baru dan kaedah ini tidak menjejaskan keaslian dan integriti sesebuah bangunan.
<b>A</b>	Pada pendapat Tuan, adakah kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik bagi melindungi bangunan bersejarah dari ancaman kepupusan termasuk Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Pada pendapat saya. Ya. Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah sesuaikan dan guna semula. Perubahan fungsi ini dapat memberi manfaat kepada bangunan warisan.
<b>A</b>	Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan ini sangat penting bagi membantu mengekalkan keistimewaan bangunan bersejarah. Penglibatan komuniti membantu dalam mempromosikan warisan ketara, memberi maklumat mengenai sejarah dan latar sesebuah bangunan kepada orang ramai dan juga menghargai warisan yang ada supaya tidak lapuk ditelan arus pemodenan.
<b>A</b>	Apakah peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah sebagai produk pelancongan warisan?
<b>B</b>	Komuniti berperanan tinggi dalam mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan adalah dengan mengambil gambar untuk dimuatnaikkan di mana-mana laman sosial, mengadakan travelog lawatan ke tempat bersejarah dan juga menjadikan bangunan bersejarah sebagai penyelidikan supaya dapat membantu pengkaji baharu mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam
<b>A</b>	Adakah Kota Lama Duyong berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan ?
<b>B</b>	Ya. Kota Lama Duyong ini berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan kerana pelancongan warisan ini mempunyai permintaan yang tinggi. Di samping itu, ada nilai komersial terhadap bangunan atau tapak warisan untuk dilawati.
<b>A</b>	Apakah langkah yang diambil bagi mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan kepada pelancong ?
<b>B</b>	Antara langkah untuk mempromosikan bangunan bersejarah adalah peranan media massa. Peranan media massa ini mampu memberi pengaruh yang besar kepada dunia luar. Mereka boleh menarik pelancong luar secara untuk mengunjungi ke tempat bersejarah. Apabila ramai orang mengetahui kewujudan dan keberadaan bangunan bersejarah mereka pasti tidak akan melepaskan peluang untuk mengunjungi tempat tersebut. Di samping itu, peranan ibu bapa. Ibu bapa perlulah



	memainkan peranan mereka dengan mengajak anak-anak mereka mengunjungi tempat bersejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana, anak-anak mereka dapat mengetahui mengenai bangunan tersebut dan pada masa yang sama, dapat menerapkan dalam diri mereka untuk menghargai warisan yang ada.
<b>A</b>	Apakah faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama Duyong tersebut
<b>B</b>	Faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan ini adalah nilai estetika sejarah yang terdapat pada bangunan ini. Selain itu, kedudukan bangunan ini ditengah-tengah penempatan penduduk kampung serta berhampiran dengan pulau menjadikan ia satu pusat pelancongan yang strategik.

#### INFORMAN 4

Tarikh Interview: : 27 Oktober 2021  
 Durasi Interview: : 20.00 Minit  
 Lokasi : Video Call Whatapps

Nama	Puan Intan Zafirah Binti Ibrahim
Umur	27 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Pegawai Pusat Pelancongan Negeri Terengganu

INTERVIEW TRANSKRIP	
<b>A</b>	Sejauhmanakah Puan mengetahui sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Kota Lama Duyong mula dibina pada tahun 1919 dan siap sepenuhnya pada tahun 1920. Bangunan Kota Lama ini menyerupai rumah tradisional lain seperti rumah Bujang Berepeleh, Limas Bungkus dan Potong Belanda. Rekabentuknya sama seperti Istana Kecil Raja Melayu tetapi dimasukkan dengan unsur Mesir atau Corinthian pada tiang dan dinding.
<b>A</b>	Mengapakah kota ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Bangunan Kota Lama Duyong ini dikelilingi oleh tembok batu. Dan sebab itu nama ini diberikan kepada bangunan Kota Lama. Bangunan ini juga berhampiran dengan Pulau Duyong.
<b>A</b>	Adakah terdapat usaha-usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini? Siapakah yang terlibat? Bilakah ia bermula?
<b>B</b>	Usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini dicadangkan oleh Badan Warisan Negeri Terengganu. Mereka melihat bangunan ini berpotensi untuk dijadikan tarikan pelancong. Kerjasama yang dijalankan dengan agensi lain dalam

	mendapatkan bahan mentah yang sama seperti dengan bahan binaan sebelumnya bagi mengekalkan keaslian binaan tersebut. Dikatakan mereka mengambil masa sebulan setengah untuk mendapatkan resepi asal bagi mendapatkan bahan menampal dinding. Usaha membaikpulih bangunan ini sangat rumit dan mengambil masa yang lama.
<b>A</b>	Adakah usaha memulihara dan memelihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi ?
<b>B</b>	Kos yang diperlukan sangat tinggi. Namun Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak satu pertiga daripada RM 400,000 supaya usaha membaikpulih dapat dijalankan.
<b>A</b>	Sejauhmanakah usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula Kota Lama ini ?
<b>B</b>	Masa nak baiki bangunan ini, Jabatan Warisan juga mengambil seorang pakar dari Amerika untuk membuat penyelidikan dahulu. Selepas itu, baru aktiviti memulihara dan memelihara diteruskan. Jabatan Warisan Negeri yang mencadangkan untuk memulihara ini kepada pihak Lembaga Muzium dan Kerajaan Negeri supaya bahagian yang hampir musnah dapat dibaikpulih sebelum berlaku kerosakkan yang teruk. Banyak proses telah dibuat termasuklah mencari bahan mentah seperti kulit telur, kapur kulit kerang, pasir kasar, manisan (gula melaka) dan simen putih.
<b>A</b>	Boleh Puan huraikan mengenai kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik dalam memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Pada pendapat saya, kaedah penyesuaigunaan semula adalah kaedah terbaik kerana ia membantu dalam menjaga warisan seni bina ini daripada sebarang kerosakkan.
<b>A</b>	Pada pendapat Puan, adakah kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik bagi melindungi bangunan bersejarah dari ancaman kepupusan termasuk Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Kaedah ini mengubah fungsi sesebuah bangunan tersebut menjadi sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada warisan, pelancongan dan juga sebagai identiti tempat tersebut.
<b>A</b>	Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Pada awalnya hanya Jabatan Warisan, Pihak Lembaga Muzium dan agensi berkaitan sahaja yang terlibat. Barulah kita mengambil kira penglibatan komuniti dalam memulihara dan memelihara bangunan ini.
<b>A</b>	Apakah peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah sebagai produk pelancongan warisan?
<b>B</b>	Penglibatan komuniti setempat, saya lihat dari sudut mereka menjaga kebersihan, tidak merosakkan koleksi di dalam bangunan tersebut, dan tidak melakukan aktiviti yang boleh memberi kesan negatif kepada Kota Lama tersebut seperti menconteng dinding dan sebagainya.
<b>A</b>	Adakah Kota Lama Duyong berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan ?
<b>B</b>	Ya. Sepertimana yang kita ketahui, bangunan warisan atau tapak warisan ini mempunyai nilai yang tersendiri akan menjadi tumpuan pelancong. Potensi yang ada sesebuah bangunan bersejarah ini menjadikan ia tarikan utama kedatangan pelancong. Dari keunikan seni bina, identiti, dan latar belakang bangunan tersebut.

	Kota Lama Duyong ini memang berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan yang mana dapat membantu menjana ekonomi pelancongan Negeri Terengganu. Pada masa yang sama, dapat menarik lebih ramai kedatangan pelancong untuk datang ke sini.
<b>A</b>	Apakah langkah yang diambil bagi mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan kepada pelancong ?
<b>B</b>	Antara langkah yang boleh diambil ialah menggunakan media massa, seperti yang kita sedia maklum di zaman teknologi masa kini media massa memainkan peranan penting bagi mempromosikan bangunan bersejarah. Melalui media massa boleh mempromosikan bangunan bersejarah secara besar-besaran bagi menarik minat ramai pelancong luar dan dalam negeri. Pihak media massa perlulah membuat dokumentari menarik mengenai bangunan bersejarah bagi menambah informasi dan menarik ramai pengunjung.
<b>A</b>	Apakah faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama Duyong tersebut
<b>B</b>	Kedudukan Kota Lama Duyong yang strategik dan seni bina dan reka bentuk tradisional yang menarik menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama ini.

## INFORMAN 5

Tarikh Interview: : 25 Oktober 2021  
 Durasi Interview: : 10.00 Minit  
 Lokasi : Google Meet

Nama	Encik Mohd Yazid Bin Hamdan
Umur	37 Tahun
Bangsa	Melayu
Pekerjaan	Penjaga Kota Lama Duyong

INTERVIEW TRANSKRIP	
<b>A</b>	Sejauhmanakah Tuan mengetahui sejarah pembinaan Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Kota Lama Duyong ini sebenarnya dah lama pembinaannya. Banyak kali dibaikpulih untuk tujuan pemuliharaan. Pembinaan Kota Lama ini unik kerana bahan yang digunakan pun berbeza dengan sekarang. Bahan yang digunakan dalam pembinaan Kota Lama ini adalah bahan campuran iaitu madu, kapur tohor, putih telur, pasir, batu. Putih telur ini digunakan dalam pembinaan ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi pembinaan rumah.
<b>A</b>	Mengapakah kota ini dinamakan sebagai Kota Lama Duyong ?

<b>B</b>	Istilah Kota ini untuk menunjukkan bangunan ini dikelilingi oleh tembok batu. Tujuannya adalah untuk keselamatan dan mengasingkan bangunan ini dengan rumah penduduk. Apabila orang datang berkunjung jadinya dia boleh nampak perbezaan bangunan ini dengan rumah orang lain. Nama ini juga diambil atas sebab berhampiran dengan kawasan pulau. Kebiasaanya begitu la.
<b>A</b>	Adakah terdapat usaha-usaha untuk memulihara dan memelihara bangunan ini? Siapakah yang terlibat? Bilakah ia bermula?
<b>B</b>	Usaha dalam memulihara dan memelihara bangunan ini dipertanggungjawabkan kepada pihak Lembaga Muzium. Setelah bangunan ini siap dibaikpulih kemudian pihak Lembaga Muzium mengambil inisiatif dengan menjadikan ia sebagai galeri.
<b>A</b>	Adakah usaha memulihara dan memelihara bangunan ini melibatkan kos yang tinggi ?
<b>B</b>	Ya. Kos pengambilan pekerja, bahan mentah yang sama dengan yang asal. Kenaikan harga mentah ini menyebabkan kita menelan jumlah belanja yang besar.
<b>A</b>	Sejauhmanakah usaha yang dijalankan oleh pihak berwajib dalam menyesuaikan semula Kota Lama ini ?
<b>B</b>	Usaha yang diambil adalah dengan menyesuaikan semula menjadi sebuah galeri yang menempatkan pelbagai koleksi yang berkaitan dengan Kota Lama Duyong.
<b>A</b>	Boleh Tuan huraikan mengenai kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik dalam memulihara dan memelihara bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Kaedah ini mungkin menelan belanja yang banyak tetapi untuk jangka masa yang panjang ia akan memberi keuntungan kepada pelbagai pihak. Seperti yang kita tahu Kota Lama Duyong mempunyai struktur binaan yang unik, kaedah penyesuaigunaan semula merupakan kaedah yang sesuai bagi mengekalkan jangka hayat bangunan tersebut tanpa mengubah bentuk dan rekaan asal.
<b>A</b>	Pada pendapat Tuan, adakah kaedah penyesuaigunaan semula ini adalah kaedah terbaik bagi melindungi bangunan bersejarah dari ancaman kepupusan termasuk Kota Lama Duyong ?
<b>B</b>	Kaedah penyesuaigunaan semula yang terbaik adalah sesuaikan dan guna semula bagi menjaga nilai warisan supaya keadaan asal dapat dikekalkan.
<b>A</b>	Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah ?
<b>B</b>	Awalnya tiada sebarang penglibatan komuniti. Hanya pihak Lembaga Muzium sahaja. Kemudian kami mengesyorkan agar komuniti turut serta dalam usaha bagi menjaga bangunan ini supaya dapat dikekalkan sehingga ke generasi yang akan datang.
<b>A</b>	Apakah peranan komuniti dalam mempromosikan bangunan bersejarah sebagai produk pelancongan warisan?
<b>B</b>	Adalah penting untuk komuniti menanam kesedaran dan memupuk minat anak-anak muda dari bangku sekolah untuk menghayati dan mengetahui sejarah bangunan bersejarah di Malaysia. Sebagai contoh pihak sekolah dan ibu bapa boleh membuat lawatan sambal belajar ke tempat sejarah untuk memupuk sifat cintakan sejarah Malaysia. Selain itu, komuniti perlu melaksanakan program setempat di bangunan bersejarah sebagai contoh mengadakan program komuniti contohnya bergotong royong di bangunan bersejarah. Komuniti merupakan orang paling dekat dengan bangunan bersejarah untuk dirujuk. Komuniti perlu memberikan kerjasama dan

	memberi idea untuk bersama- sama memelihara dan memajukan bangunan bersejarah.
<b>A</b>	Adakah Kota Lama Duyong berpotensi dijadikan sebagai produk pelancongan warisan ?
<b>B</b>	Pada pendapat saya sebagai penjaga Kota Lama ini, Ya. Kota Lama ini berpotensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan warisan. Kita sendiri pun melihat keistimewaan dan keunikan yang ada pada bangunan ini. Saya yakin ia boleh menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang kesini. Tarikan yang ada pada Kota Lama ini mampu mengamit kenangan terhadap rumah-rumah tradisional pada zaman dahulu. Koleksi yang terdapat dalam bangunan ini dapat memberi input penting kepada pelancong yang datang. Mereka dapat mengetahui sejarah dan latar bangunan ini, seni bina dan juga ukiran yang terdapat pada bangunan ini.
<b>A</b>	Apakah langkah yang diambil bagi mempromosikan bangunan bersejarah ini sebagai produk pelancongan warisan kepada pelancong ?
<b>B</b>	Antara langkah untuk mempromosikan bangunan ini, bagi saya peranan komuniti sangat penting kerana mereka perlulah menguar-uarkan mengenai bangunan bersejarah yang ada di kawasan mereka. Mereka juga perlu menitikberatkan kepentingan bangunan bersejarah ini kepada generasi muda. Memuatnaik di laman sosial supaya orang luar dapat mengetahui keberadaan Kota Lama ini. Saya mendapati orang Terengganu sendiri tidak mengetahui akan keberadaan Kota Lama ini apatah mengenai sejarahnya.
<b>A</b>	Apakah faktor yang menyumbang kepada pelancongan warisan bagi Kota Lama Duyong tersebut
<b>B</b>	Kota Lama Duyong ini mempunyai identitinya yang tersendiri yang menyumbang kepada produk pelancongan iaitu dari segi sejarah, seni bina, dan ukiran.